

# nadi insan

WAWANCARA:  
ANWAR IBRAHIM

DISEMBER 1979  
KDN O521/79  
80 SEN

## BELANJAWAN NEGARA '80 DAN NILAI RINGGIT



- Apa Berlaku Di Pelabuhan Kuantan
- Malam Kenangan Dr. Burhanuddin
- Sungguhkah Malang Nasib Mu?
- Einstein: Sainfis Berjiwa Rakyat



# Ingin jadi penulis?

Bacalah rakaman pengalaman pahit manis A. Samad Said ketika menghasilkan novel-novel *SALINA*, *SUNGAI MENGALIR LESU* dan *LANGIT PETANG* dalam buku ini. Novel-novelnya lahir hasil dari paduan pembacaan, pengalaman, pemikiran, pengamatan dan kekuatan daya imaginasi. Buku ini pasti mampu merangsang anda untuk menjadi novelis yang baik.

83 halaman  
\$3.00  
Cetakan Pertama 1979

**A. SAMAD SAID**  
DARI *SALINA*  
KE *LANGIT PETANG*  
PROSES MENCIPTA NOVEL



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**  
KUALA LUMPUR 05-05 • JALAN WISMA PUTRA PENSURAT 803 • TELEFON: 481169 • 481240  
CAWANGAN SABAH • BEG BERKUNCI 149 KOTA KINABALU SABAH • TELEFON: 58117  
CAWANGAN SARAWAK • BELAGA • 1390 KUCHING SARAWAK • TELEFON: AM: 24171-2



# nadi insan

Bilangan 8

Disember 1979

pena penyunting	2	
surat dari pembaca	3	
wawancara	5	Anwar Ibrahim
kartun	8	Rahsia Majikan
ekonomi	9	Belanjawan 1980
nasional	12	Pelabuhan Kuantan
antarabangsa	15	Park Chung Hee—Akhirnya Tumbang Juga
kartun	19	Hikayat Hawa
kenangan	23	Dr. Burhanuddin
ulasan cerpen	25	Karya Bertemakan Rakyat
sains	28	Einstein—Saintis Berjiwa Rakyat
sajak	30	Dr. Burhanuddin—Putera Setia
	31	Kuala Semantan
falsafah hidup	32	Sungguhkah Malang Nasibmu?
peristiwa	33	Keracunan Tembaga di Lombong Mamut
seni	36	Joan Baez's Message
filem	38	Ashanti
buku	40	Ranjau Sepanjang Jalan

Anwar Ibrahim—orangnya berbakat dan berbudi bahasa. Di dalam kelembutan wajahnya, terpendam semangat perjuangan yang telah membungkar dari masa ke semasa. Penderiannya terhadap Islam dalam ekonomi, politik dan lain-lain sungguh menyegarkan dan kadang-kadang agak radikal.



Belanjawan 1980 telah disambut dengan tepukan gemuruh. Benarkah ia menguntungkan semua lapisan masyarakat? Benarkah golongan bawahan akan menikmati tambahan pendapatan?

Einstein ialah seorang yang lebih terkenal dengan Teori Khas Relativiti. Apa pula dengan pendiriannya terhadap pergolakan sosial dan politik dunia? Penulis rencana ini menggambarkan bagaimana Einstein berjaya menyatukan fahaman sains dan kemasyarakatan.



Pemimpin berkuku besi Presiden Park Chung Hee ditembak mati. Kita telah diberitahu bahawa pembunuh beliau ialah Kim Jae Kyu, Pengarah KCIA. Adakah ini hakikat yang sebenarnya?

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau Sidang Penyunting majalah ini.

penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)  
Peti Surat 26, Kajang, Selangor.  
redaksi : Dr. Mohd. Nasir Hashim (Ketua), Mohd. Daud,  
Dr. Jomo K.S., C. Ng. Rohana Ariffin  
pelukis : H.S. Chia, Jaseni  
pencetak : Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, K.L.

Tahun baru menjelang tiba. Kami percaya berbagai-bagai keazaman melintas pada pemikiran para pembaca yang dihormati. Pihak kami juga berbuat demikian. Bersama-sama kita menempuh tahun ini dengan penuh insaf dan kesedaran untuk berbakti kepada negeri dan rakyat yang dicinta.

Belanjawan negara 1980 sungguh menggembirakan. Berbagai-bagai kelonggaran telah diberi untuk kesenangan rakyat. Apa pula masalah-masalahnya? Saudara kita Suria Hamid mengambil kesempatan ini untuk mengkaji lebih teliti belanjawan tersebut. Semoga penganalisaan beliau akan menjadi bahan perbincangan untuk masa depan.


Dengan meningkatnya lagi pergolakan Islam di peringkat negeri dan antarabangsa, kami telah diberi peluang untuk berwawancara dengan saudara Anwar Ibrahim, presiden ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia). Saudara Anwar mempunyai prinsip-prinsip yang teguh. Dengan pertemuan ini kami dapat merapatkan lagi pengertian kami terhadap pemikirannya sebagai seorang pemimpin dan hakikat perjuangannya. Semoga wawancara ini dapat menerangkan kegelapan hidup.

Pelabuhan Kuantan juga tidak ketinggalan merebut ruang istimewa di dalam berita tempatan. Kekeliruan dan kekabusan di dalam peristiwa ini menggalakkan kami mencari penjelasan. Penulisnya telah membuat demikian.

Selepas pembunuhan Presiden Park Chung Hee di Seoul pada 26hb. Oktober, 1979, berbagai-bagai tanggapan, penganalisaan dan *post-mortem* telah dilakukan untuk mengenal pemimpin yang kontroversial ini. Soalnya sekarang, akankah masyarakat dan sistem politik Korea Selatan berubah akibat pembunuhan beliau?

Pada 25hb Oktober, 1979, penerbit kami INSAN dengan kerjasama Dewan Bahasa Dan Pustaka, telah menganjurkan suatu malam bersejarah 'Majlis Memperingati Al Marhum Dr. Burhanuddin Al-Hulaimi'. Sambutan dari orang ramai sungguh menggalakkan. Semoga perjuangan beliau tidak dipersia-siakan.

Nampaknya, pada kali ini, Hanuman tidak dapat memenuhi ruang Pojok pada isu Disember ini. Ini tidak dapat dielakkan. Inshaallah, beliau akan menjelma kembali dengan tingkah-lakunya yang lebih lucu lagi.

Kami akhiri dengan ucapan selamat tahun baru dan selamat maju jaya. Kami sentiasa menerima teguran dari anda demi kepentingan majalah kita ini. Wassalam. 

Bila di Melaka singgahlah di

**MOTEL TANJONG KLING**

*Pantai Pengkalan Perigi*

*Tanjong Kling*

*Melaka*

Rasalah degup jantung rakyat, bacalah

# **nadi insan**

**hanya 80 sen**

## **Keluaran lepas:**

### **NOVEMBER/7**

- Wawancara: Yasmin Yusuf
- Peneroka Malang di Lubok Kundang
- Masalah Pekebun Kecil

### **OKTOBER/6**

- S.M. Mohd. Idris; Dr. Burhanuddin
- Kanak-Kanak: Nasib Generasi Depan
- Dasar Luar Negara China

### **SEPTEMBER/5**

- Wawancara: Dr. Mahathir
- Setingan Di Kota
- Libya: Islam Dan/Atau Sosialis

### **OGOS/4**

- Wawancara: Jlns Shamsuddin
- Harga Minyak Meningkat: Siapa Untung?
- Perjuangan Di Selatan Afrika

### **JULAI/3**

- Wawancara: Usman Awang
- RM3: Siapa Untung, Siapa Rugi
- Tenaga Suria - Pesaka Umum

### **JUN/2**

- Wawancara: Ungku Aziz
- Pergolakan Di IndoChina
- Awasi Bahaya Di Tempat Kerja

### **MEI/1**

- Wawancara: Tunku Abdul Rahman
- 13 Mei 1969 Dalam Kenangan
- Iran Selepas Shah, Bhutto.

## **TAWARAN ISTIMEWA**

- Jimatkan wang dengan langganan terus  
\$4 untuk 6 bulan  
\$7 untuk setahun

## **BORANG LANGGANAN**

Nama & Alamat:

---

---

---

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:  
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.





# SURAT DARI PEMBACA

7 Oktober 1979

## KENYATAAN AKHBAR: TAHANAN PERLINDUNGAN

Dalam beberapa minggu yang lalu, akhbar-akhbar dan majalah-majalah asing tertentu telah memuatkan artikel-artikel yang menuduh bahawa orang-orang tahanan politik di Malaysia diberi layanan yang buruk. Mereka mendakwa bahawa orang-orang tahanan ini dikurung bersendirian bagi jangka masa yang panjang, disiksa cara psikologi dan kadangkala cara fizikal. Tuduhan-tuduhan ini hampir-hampir serupa dengan hujah-hujah yang terkandung dalam memorandum Majlis Peguam Malaya yang dikirimkan kepada kerajaan pada bulan Februari 1979.

ALIRAN khawatir bahawa sebahagian daripada khalayak ramai di Malaysia dan di luar negeri akan percaya tuduhan-tuduhan ini sekiranya kerajaan tidak menjawabnya dengan cara berkesan. Kerajaan Malaysia tidak harus dimasukkan dalam lingkungan yang sama dengan pemerintah-pemerintah yang zalim dan kejam kerana perbincangan politik dan penentangan (dissent) dibenarkan. Keadaan kebebasan po-

litik di sini lebih baik daripada kebanyakan negara-negara yang lain di rantau ini. Itulah sebabnya tuduhan-tuduhan mesti dijawab.

Penafian tidak mencukupi. Penafian tidak bisa meyakinkan mana-mana pihak. ALIRAN mengesyorkan bahawa kerajaan membenarkan suruhanjaya yang bebas dan berkecuali dari Bangsa-Bangsa Bersatu menyiasat perkara ini. Lapurannya

mesti diumumkan kepada khalayak ramai.

Sekiranya suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu tidak dapat ditubuhkan, kerajaan harus membenarkan lembaga tempatan yang bebas yang dianggotai oleh orang-orang kenamaan yang tidak terlibat dalam parti-partai politik menyiasat tuduhan-tuduhan tadi. Lembaga ini boleh diketuai oleh Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar Malaysia.

Jawatankuasa  
**ALIRAN: Pulau Pinang**

Tanggapan awal terhadap Empat Buah Cerpen H.A.H di NADI INSAN.

Mokhtar bin Yusuf, Muar, Johor: Dikepikan di sini sebuah artikel ringan berkaitan hal di atas. Saya kira ianya sesuai untuk penyiaran kerana sesungguhnya sekarang ini kita amat kekurangan karya yang bertemakan kehidupan rakyat. Bila H.A.H. menulis cerpen sedemikian, ianya amat berkesan. Dan inilah tanggapan saya ke atas cerpen-cerpennya itu.





# ANWAR IBRAHIM :

## KONSEP ISLAM YANG MENYELURUH

*Saudara Anwar Ibrahim memang tidak payah diperkenalkan kepada para pembaca. Peranannya di dalam pergolakan mahasiswa dan kebolehannya memimpin ABIM telah mengharumkan namanya di kalangan umat Islam sedunia. Walaupun asas perjuangannya masih dipertikaikan lagi, pergerakannya berjaya mendapat sokongan beribu-ribu belia Islam. Wakil-wakil dari NI telah meneroka pemikiran saudara Anwar dan beberapa soalan penting telah dikemukakan. Kami berpendapat bahawa pendiriannya terhadap amalan dan falsafah Islam sungguh berbeza daripada huraian tokoh-tokoh lama. Tidak hairanlah jika Sdr. Anwar dan ABIM dianggap sepi oleh pihak pemerintah.*

**N.I.** *Apakah pekerjaan sdr. sekarang?*

**Anwar:** Saya menjadi pengarah dan gurubesar Yayasan Anda. Selain dari itu saya bergiat dalam ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia).

**N.I.** *Apakah sebenarnya matalamat perjuangan ABIM?*

**Anwar:** ABIM ialah sebuah pergerakan Islam—*Haraqah Islamiah*—yang ingin melihat Islam dalam konsepnya yang lebih luas dan menyeluruh, tidak semata-mata ibadah dalam ertikata yang terbatas, walaupun ibadah itu kita anggap sebagai sesuatu yang penting atau asas dalam Islam. Ia mesti mencakup suatu bidang yang lebih luas—sikap, akhlak, interaksi dalam masyarakat. Ini bersesuaian dengan Islam yang kini lebih popular disebut sebagai suatu cara hidup. Matalamat perjuangan ABIM ialah untuk merealisasikan Islam—cuba menghayati Islam dalam seluruh aspek penghidupan. Cuba meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap Islam. Ini ada hubungannya dengan keadilan, kebenaran, dan moral yang baik.

### Program

**N.I.** *Adakah ABIM mempunyai program yang khusus bagi mencapai matalamat ini?*

**Anwar:** Penekanan kegiatan ABIM ditumpukan pada pendidikan-pendidikan dalam ertikata yang lebih luas. Menimbulkan kefahaman dari segi akhlak dan mengenai masyarakat. Ini dilakukan menerusi kursus-kursus sekolah, dakwah, sebaran am dan lain-lain. Ini meliputi semua peringkat kampung, daerah dan negeri. Ahli-ahli ABIM yang dianggap sebagai ahli amali, adalah terlibat dalam proses pelajaran tadi. *I don't think we can find any sort of liberation* dari pengertian Islam tanpa kefahaman yang betul terhadap masalah-masalah ekonomi, sosial dan politik dalam masyarakat.

**N.I.** *Bagaimana dengan kegiatan-kegiatan buku pelajaran?*

**Anwar:** Penekanan kita ialah terhadap pelajaran. Selain dari itu, ABIM juga menjalankan kegiatan koperasi dan kegiatan khidmat buku. Kami cuba mempertahankan tradisi ilmu—tradisi intelektual—yang relevan dengan perkembangan Islam. Kegiatan Islam itu berkembang dalam suatu tradisi ilmu. Kita juga mempunyai kegiatan wanita yang khusus—mengenai rumahtangga. Kami juga mempunyai hubungan dengan sekolah-sekolah pondok atau sekolah-sekolah agama tradisional untuk menambahkan kefahaman mereka dalam bidang lain (selain dari Islam) kerana kita anggap mereka juga mempunyai peranan. Cawangan ABIM boleh dikatakan terdapat di semua daerah.



Merasmikan muktamar ABIM Wilayah





Berucap di mesyuarat.

**N.I.** *Bagaimana pula penglibatan ABIM dalam kegiatan politik?*

**Anwar:** Penglibatan ABIM dalam politik sebenarnya ialah lanjutan dari kefahaman tentang masyarakat. Kita mahu anggota kita itu mempunyai kesedaran politik. Adalah salah jika kegiatan dakwah ini merasa cemas atau takut jika dilibatkan dengan persoalan politik. Parti politik ialah soal lain. Sebagai sebuah pergerakan Islam yang bebas, kita bebas dari ikatan politik kepartian. Tetapi, isu kegiatan dan penglibatan politik itu memang digalakkan. Kalau Islam ingin dilihat dalam konsepsi yang luas, ia harus melibatkan politik. Bagaimana kita boleh bercakap tentang keadilan dan kebenaran tanpa melibatkan politik? Cuma ABIM sekarang ini lebih menekankan tentang kesedaran masyarakat—kita harus menyedarkan masyarakat.

**N.I.** *Pernah diberitakan yang saudara ingin bertanding dalam pilihanraya di kawasan-kawasan tertentu tak berapa lama dahulu.*

**Anwar:** Secara serius, itu tidak pernah. Memang ada orang mencadangkan. Saya tidak memberikan perhatian dengan serius. Di Kelantan dahulu, sekali, dalam pilihanraya negeri, dalam ucapan saya, kita lebih menekankan penentangan kita terhadap tindakan darurat di Kelantan. Ini bukanlah soal kepartian walaupun kita berucap di atas pentas PAS..

**N.I.** *Tadi sdr. menyebutkan tentang cara hidup Islam. Bagaimana agaknya sdr. mengaitkan cara hidup Islam itu dengan suatu sistem ekonomi Islam?*

**Anwar:** Secara ringkas, kerana saya bukan orang ahli ekonomi. Walau bagaimanapun kesemua orang Islam harus tahu iaitu apabila disebut tentang sesuatu perencanaan, ataupun pembangunan, keutamaannya ialah untuk membentaras kemiskinan, membanteras

kezaliman dalam masyarakat. Kita anggap tidak ada *relevance* suatu dasar pembangunan kalau tidak ditamakan soal membasmi kemiskinan dan menghapuskan kezaliman—tidak kira betapa indahnya atau betapa tebalnya buku rancangan pembangunan itu. Dalam teori ekonomi Islam, mesti ada dasar keadilan dan dasar moralnya. Dibolehkan berdagang, tapi tidak dibolehkan riba, kerana itu merupakan suatu penindasan terhadap golongan miskin. Dibolehkan berniaga, tapi tidak dibolehkan *bercasino*, kerana *casino* merupakan *dehumanization of man or woman*. Kita harus bayar zakat. Itu sebagai latihan untuk mengingatkan keutamaannya.

**N.I.** *Berdasarkan pemahaman bahawa matlamat dalam teori ekonomi Islam ialah untuk membasmi kemiskinan dan menghapuskan kezaliman, bagaimanakah teori ekonomi Islam ini melihat faktor-faktor yang melahir dan menyebabkan kemiskinan dan kezaliman itu?*

**Anwar:** Matlamatnya bukan membasmi kemiskinan, tetapi tindakannya. Matlamat ekonomi Islam ialah untuk mewujudkan masyarakat yang sihat, bermoral, bertanggungjawab, yang tahu hubungannya sesama manusia. Sebab itu faktor keadilan itu ditekankan dan tidak faktor persamaan. Islam itu mengiktiraf wujudnya perbezaan tetapi tidaklah mungkin perbezaan di mana terdapat seorang yang rumahnya macam istana dan sebelahnyanya sebuah pondok yang robek. Ini tidak mungkin dalam Islam. Bila riba dan penindasan tidak dibolehkan, tidak akan wujud golongan yang terlalu kaya. Islam tidak melihat pertentangan antara golongan kaya miskin. Islam mengajak masyarakat—golongan miskin dan golongan berada bekerjasama atas dasar moral dan keadilan. Kalau golongan berada ini tidak bersedia bekerjasama, pertentangan akan berlaku.



## Ekonomi

Golongan yang berada itu—kerana pengetahuan, kecakapan dan kemampuannya untuk menguruskan ekonomi—ia menjadi kaya sedikit, ini dibolehkan. Tetapi, dalam masyarakat kita, golongan kaya ini dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa politik ataupun terlalu menindas. Penindasan ini berlaku secara yang berlebihan dalam masyarakat kita. Kekayaan yang diperolehi melalui penindasan dan riba adalah haram, ditentang.

**N.I.** *Tidak mungkin seseorang itu menjadi kaya kalau ia tidak melakukan riba. . . .*

**Anwar:** Tidak mungkin jika ia menerima pendapatan sebanyak limapuluh atau enampuluh ribu sebulan. Tapi kalau setakat tiga ribu sebulan, boleh lagi.

**N.I.** *Itu belum kaya lagi. . . .?*

**Anwar:** Tak taulah . . . kadar kayanya bagaimana? Sebab itu saya katakan syaratnya ada. Islam tidak menentang kekayaan, asalkan ada syarat-syaratnya. Orang menyebutkan tentang *Islamic Socialism*. Saya rasa ini tidak tepat—suatu kekeliruan.

Dari satu segi memang ada kebajikan. Tetapi titik tolaknya dalam Islam ialah keimanan dan akidah. Ini sebagai tanggungjawab agama. Moral.

**N.I.** *Bagaimana kalau golongan yang berada itu tidak mahu, katakan, membayar zakat.*

**Anwar:** Itu tanggungjawab pemerintah untuk mengambilnya. Sebab itu dalam zaman Saidina Abu Bakar diancarkan perang untuk mengambil zakat. Pertentangan antara golongan miskin dan kaya tidak dianjurkan. Memang ada kemungkinan pertentangan boleh berlaku, terutamanya antara Islam dengan jahiliah—orang yang tidak mahu tunduk pada peraturan.

**N.I.** *Masalah kemiskinan sentiasa berkaitan dengan masalah pemilikan punca-punca pengeluaran yang tidak adil. Adakah dalam konsepsi sistem ekonomi Islam ini diberikan perhatian?*

Kalau kekayaannya berpunca dari sistem pemilikan tanah yang ada kini, mestilah diadakan *reform*. Maknanya kalau kekayaan ia didapati melalui penindasan, ia harus ditentang.

## Kemiskinan

**Anwar:** Hal ini mesti diperbaiki. Misalnya, dalam masyarakat kita sekarang, masalah kemiskinan masyarakat tani, selagi tidak ada kesediaan mengkaji dasar tanah negara, selagi tidak ada *reform* agraria, tidak ada keadilan. Bila saya katakan kita tidak menentang golongan kaya tidak bererti kita mengampunkan segala penyelewengan yang mereka lakukan. Saya tidak menentang seseorang itu semata-mata ia kaya. Tetapi kalau kekayaannya itu berpunca dari penindasan, kita harus ambil balik. Kalau kekayaannya berpunca dari sistem pemilikan tanah yang ada kini, mestilah diadakan *reform*. Maknanya kalau kekayaan ia didapati melalui penindasan, ia harus ditentang. Tetapi kalau kekayaan itu didapati secara halal, kita tidak menentangnya. Itupun bergantung pada keadaan masyarakat. Kalau dalam masyarakat itu memang terdapat golongan yang benar-benar miskin—tak cukup makan—adalah menjadi kesalahan jika pihak pemerintah membenarkan pihak yang hidup bermewah-mewah, walaupun sumbernya itu halal. Tetapi bukanlah perlu menyamaratakan kehidupan semua orang. Ini adalah masalah moral. Penjajahan pun ialah masalah moral.


**N.I.** *Tidakkah moral itu dipengaruhi oleh keadaan alam sekitar?*

**Anwar:** Tidak. Orang kampung, katakan di Baling, menghadapi kebuluran, mereka tidak mencuri. Paling tidak mereka menggunakan hak mereka menuntut apa yang



Bersama Menteri Pelajaran Saudi.





Tetamu dari Arab Saudi

hak. Jika tidak mereka akan terus ditindas. Ada orang kata, *the present secular British laws, is a just administration of unjust laws*. Saya rasa *the administration itself is not just. It is the unjust administration of unjust laws*. Dalam Islam, dasar moralnya tetap.

**N.I.** Mengenai hukuman potong tangan bagi orang yang didapati bersalah mencuri, Gaddafi tidak bersetuju dengan tindakan ini. Apa kata sdr?

**Anwar:** Dalam masyarakat kita sekarang ini hukuman potong tangan tidak dapat diterima. Hukuman maksima memang perlu ada.

**N.I.** Apa pandangan sdr terhadap aliran progresif dalam Islam yang diutarakan oleh Chandra Muzafar (ALIRAN)?

**Anwar:** Kalau ia aliran Islam yang betul, semestinya ia baik, ia tidak memaafkan penindasan dan rasuah. Saya rasa tidak ada aliran-aliran progresif dalam Islam kerana tidak ada aliran reaksioner dalam Islam. Kalau perkataan progresif itu digunakan untuk memberikan kefahaman mengenai isu-isu yang diperjuangkan, itu tidak mengapa. Bagi saya, saya tidak menerima pembahagian progresif atau reaksioner itu. Kita mesti meninjau pergerakan Islam itu sendiri.

#### Model

**N.I.** Ada pihak yang menyatakan bahawa model ekonomi Islam masih belum ada lagi. Apa pendapat sdr?

**Anwar:** Pandangan orang seperti Maxime Rodinson yang menganggap bahawa ekonomi Islam banyak berpandu kepada ekonomi kapitalis—Ini tidak benar. Ramai orang tidak dapat melihat aspek-aspek pelaksanaan ekonomi Islam. Dalam Islam tidak dibahagikan antara ekonomi Islam dengan politik Islam. Ini bukan perkara baru. Soal teori bank, *profit sharing*, tiada riba, tiada penindasan, ini telah wujud di zaman Saidina Omar lagi—prinsip *mudzarabah*—kalau dikaji, soal penguasaan tanah, soal pemilikan emas dan perak,

*profit-sharing*, memang telah ada. Buku-buku yang memperkatakan tentang model ekonomi Islam ini terlalu banyak. Saya rasa ini bukan pendapat umum.

**N.I.** Adakah perancangan ekonomi yang dilakukan di Libya itu boleh dianggap sebagai model ekonomi Islam yang akan dijadikan contoh.

**Anwar:** Saya fikir agak terlalu awal bagi kita untuk meletakkan Libya sebagai suatu model, walaupun dalam banyak perkara Libya lebih maju ke depan dalam melaksanakan hukum-hukum Islam. Dasarnya Islam, sosialis digunakan sebagai suatu slogan, konsep sosialis itu longgar, ia bukan dianggap sebagai suatu doktrin.

**N.I.** Pada pendapat sdr, apakah masalah yang akan dihadapi dalam mewujudkan cara hidup Islam dalam sebuah masyarakat berbilang kaum seperti di negeri ini?

**Anwar:** Pertamanya ialah masalah memberikan kefahaman kerana prajudis terlalu tebal. Di kalangan orang-orang Islam yang berpendidikan barat sendiri pun kefahaman Islam mereka terlalu dangkal.

**N.I.** Apakah bentuk kerjasama yang wujud antara ABIM dengan PERKIM?

**Anwar:** Apa yang boleh saya sebutkan ialah kami mempunyai perbezaan dari segi pendekatan dan falsafah.

**N.I.** Sdr dahulu pernah ditahan di bawah ISA. Apakah kesan atau akibatnya terhadap perjuangan sdr?

**Anwar:** Sikap kita terhadap ISA telah jelas. Dalam pengistiharan ABIM, ada disebutkan bahawa kita menentang undang-undang dan akta-akta yang berlawanan dengan prinsip-prinsip keadilan—yang diajar dan dituntut oleh Allah dalam al-Quran, dan yang menyekat kebebasan insan untuk mencari dan menyebarkan kebenaran—kita tentang, termasuklah ISA. Ia tidak menghormati proses keadilan yang sebenarnya. Orang yang ditahan harus dibicarakan di mahkamah ataupun dibebaskan. Penahanan tanpa bicara tidak boleh dimaafkan.



# RAHSIA MAJIKAN





# BELANJAWAN NEGARA 1980: MENGUNTUNGGKAN SEMUA?

Suria Hamid

Apabila membentangkan belanjawan negara bagi tahun 1980 di Dewan Rakyat pada petang 18 Oktober yang baru lalu, Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah telah mengumumkan beberapa potongan cukai dalam struktur cukai negara pada tahun depan, termasuk menaikkan pelepasan cukai pendapatan untuk orang perseorangan dari \$2,000 kepada \$5,000.

Menurut beliau, dengan potongan-potongan cukai ini, pihak kerajaan akan kehilangan hasil dari pungutan cukai sebanyak \$482 juta. Ini merupakan potongan cukai yang terbesar dalam sejarah negeri ini.

Mendengar pengumuman mengenai potongan cukai ini, orang ramai berasa lega. Belanjawan tahun depan bukan saja tidak akan mengenakan cukai baru, tetapi sebaliknya akan dapat mengurangkan beban membayar cukai mereka.

Akhbar-akhbar tempatan juga telah memberi pujian tinggi kepada Menteri Kewangan kerana telah membentangkan satu belanjawan yang mereka sifatkan sebagai 'berani', 'luar biasa' dan 'menguntungkan semua pihak.'

Jika potongan-potongan cukai yang terdapat dalam belanjawan 1980 dilihat secara sepintas lalu, anggapan-anggapan di atas mungkin dapat diterima sebagai benar. Tetapi, sebaliknya jika belanjawan negara 1980 dikaji secara mendalam, beberapa persoalan akan timbul di fikiran kita mengenainya.

### Kenaikan Pelepasan Cukai

Satu perubahan dalam struktur cukai negara pada tahun depan yang hangat diperbincangkan oleh orang ramai ialah kenaikan pelepasan cukai pendapatan untuk orang perseorangan dari \$2,000 kepada \$5,000—tambahan sebanyak \$3,000. Selain dari itu pelepasan cukai pendapatan untuk isteri pula dinaikkan dari \$1,000 kepada \$2,000.

Ini bermakna seorang yang sudah beristeri dan mempunyai anak akan mendapat pelepasan cukai pendapatan sebanyak \$7,000 setahun. Dengan perkataan lain, sepasang suami isteri yang mempunyai dua orang anak tidak perlu membayar cukai pendapatan jika pendapatan mereka tidak mele-

bihi \$700 sebulan.

Seterusnya, sepasangan suami isteri yang berpendapatan \$10,000 setahun (iaitu lebih kurang \$800 sebulan), hanya akan membayar cukai pendapatan sebanyak \$120 sahaja pada tahun depan berbanding dengan \$345 yang mereka bayar sekarang. Ini bermakna bayaran cukai pendapatan mereka akan dikurangkan sebanyak \$225.

Sepasangan suami isteri yang berpendapatan \$20,000 setahun pula (iaitu lebih kurang \$1,600 sebulan) akan membayar cukai pendapatan sebanyak \$1,560 setahun berbanding dengan \$2,085 yang dibayar sekarang—penjimatan sebanyak \$525 (Lihat Jadual 1).

### Sebalik Kenaikan Pelepasan

Dari contoh-contoh ini, kita dapat bahawa kenaikan pelepasan cukai pendapatan yang diumumkan itu nampaknya akan mengurangkan beban cukai orang ramai dengan kadar yang agak besar. Tetapi, sebelum kita membuat sesuatu kesimpulan mengenainya, ada beberapa perkara yang harus diambil perhatian.

Jadual 1: Cukai Pendapatan tahun 1980 berbanding dengan cukai pendapatan sekarang

Pendapatan \$	Cukai yang harus dibayar		Penjimatan kepada pembayar cukai \$
	Sekarang \$	Yang dicadang bagi 1980 \$	
5,000	0	0	0
10,000	345	120	225
20,000	2,085	1,560	525
30,000	4,885	4,110	775
50,000	12,410	11,410	1,000
75,000	24,550	22,400	2,150
100,000	39,010	35,710	3,300

dipetik dari New Straits Times, 19hb Oktober, 1979



Pertama, kenaikan pelepasan cukai sebanyak \$3,000 itu adalah terdiri dari tambahan \$1,000 untuk pelepasan diri, \$1,000 untuk pelepasan pendapatan dan \$1,000 untuk pelepasan tanggungan. Sementara itu pelepasan (maksimanya sebanyak \$1,000) untuk pendapatan individu yang diberi sekarang akan ditarik balik.

Pelepasan \$1,000 untuk tanggungan juga tidak semestinya diterima oleh semua pembayar cukai. Ini bermakna bahawa kenaikan pelepasan cukai yang akan diterima oleh setengah-setengah pembayar cukai hanyalah \$1,000 dan bukan \$3,000.

Di samping itu, walaupun pelepasan cukai untuk isteri dinaikkan kepada \$2,000, tetapi pelepasan (maksimanya sebanyak \$1,000) yang diberi sekarang untuk pendapatan tenaga isteri akan ditarik balik. Dengan itu, kenaikan pelepasan cukai yang diterima oleh pasangan suami isteri yang keduanya bekerja adalah kecil sekali.

Malahan, jika siisteri yang bekerja telahpun menerima pelepasan cukai maksima bagi pendapatannya sebanyak \$1,000, maka pasangan suami isteri itu tidak memperoleh apa-apa kenaikan dalam pelepasan untuk isteri.

#### Orang Kaya Dapat Potongan Besar

Selain dari perkara-perkara di atas, kita juga harus mengambil ingatan bahawa belanjawan negara 1980 juga memberi potongan cukai yang agak tinggi kepada mereka yang berpendapatan tinggi. Mengikut pengumuman yang dibuat oleh Menteri Kewangan, bagi mereka yang memperoleh pendapatan kena cukai melebihi \$50,000 tetapi kurang dari \$75,000 setahun (iaitu lebih kurang \$4,300 hingga \$6,500 sebulan), kadar cukai mereka akan diturunkan dari 50% kepada 45%.

Kadar cukai bagi mereka yang memperoleh pendapatan kena cukai melebihi \$75,000 tetapi kurang dari \$100,000 juga diturunkan dari

55% kepada 50%. Alasan yang diberi bagi potongan cukai ini ialah untuk memberi dorongan dan galakan kepada usaha tenaga orang perseorangan.

Dengan perubahan-perubahan ini, cukai pendapatan sepasang suami isteri yang berpendapatan \$50,000 setahun akan *dikurangkan* sebanyak \$1,000, manakala mereka yang berpendapatan \$75,000 setahun pula akan mendapat potongan cukai pendapatan sebanyak \$2,150.

Pasangan suami isteri yang berpendapatan \$100,000 setahun akan mendapat potongan cukai sebanyak \$3,300 (lihat jadual A). Di sini jelas kepada kita bahawa potongan cukai yang dinikmati oleh mereka yang berpendapatan tinggi adalah lebih besar daripada potongan yang diterima oleh mereka yang berpendapatan rendah.

Malahan, semakin besar pendapatan seseorang itu, semakin besar pula potongan cukai yang mereka terima. Keadaan ini akan memburukkan lagi keadaan ketidaksetaraan dalam agihan pendapatan. Jurang pendapatan di antara golongan kaya dengan golongan miskin akan meluas.

#### Potongan Tambahan Kepada Golongan Kaya

Di samping perubahan di atas yang menguntungkan golongan berada terdapat beberapa lagi perubahan dalam struktur cukai negara yang juga akan menguntungkan mereka. Mengikut belanjawan 1980, elaun untuk anak-anak yang belajar di luar negeri dijadikan empat kali ganda potongan biasa yang pada masa ini adalah: Anak pertama \$800, anak kedua \$700, anak ketiga \$600, anak keempat \$500 dan kelima \$400.

Walaupun perubahan ini akan mengurangkan beban yang ditanggung oleh keluarga-keluarga yang berpendapatan sederhana dan mempunyai anak yang belajar di luar negeri, tetapi ia juga menguntungkan keluarga-keluarga berada yang

selalu menghantar anak-anak mereka belajar di luar negeri.

Seterusnya, keluarga yang berada dan mempunyai anak yang belajar di luar negeri atas biayaan biasiswa kerajaan atau biasiswa lain juga akan mendapat potongan cukai yang agak besar. Sekali lagi kita dapati perubahan dalam struktur cukai negara pada tahun depan lebih menguntungkan golongan berada.

Di samping itu, kerajaan telah mencadangkan supaya paras pengecualian cukai ke atas lebih keuntungan orang perseorangan dinaikkan dari \$75,000 kepada \$100,000. Kerajaan juga telah mencadangkan supaya had nilai harta pusaka yang tidak dikenakan cukai dinaikkan dari \$50,000 kepada \$300,000.

Sebagaimana kita sedia maklum, pemilikan harta merupakan satu sumber pendapatan. Ketidaksetaraan dalam pemilikan harta akan juga mengakibatkan ketidaksetaraan dalam agihan pendapatan.

Dengan cadangan meninggikan had pengecualian cukai ke atas harta pusaka, pihak kerajaan telah melepaskan peluang untuk memperbaiki keadaan ketidaksetaraan dalam pemikiran harta dan juga ketidaksetaraan dalam agihan pendapatan yang masih jauh dari memuaskan itu.





### **Potongan Cukai Bagi Syarikat-Syarikat Perniagaan**

Selain daripada memberi pelepasan cukai kepada orang-orang perseorangan, belanjawan negara pada tahun depan telah memberi potongan cukai yang lumayan juga kepada syarikat perniagaan.

Dengan alasan untuk menggalakkan pelaburan dalam negeri kita, pihak kerajaan telah mencadangkan pengurangan cukai pendapatan dari 40% kepada 35% ke atas syarikat-syarikat yang mempunyai modal dibayar tidak kurang dari \$1 juta atau mempunyai harta bersih melebihi \$1 juta.

Seterusnya, mana-mana syarikat yang mematuhi peraturan penyusunan semula guna tenaga dan/atau saluran pemasaran seperti pengedar dan pemborong dikecualikan dari cukai pembangunan 5%. Kedua-dua pengecualian ini akan berjalan selama 3 tahun mulai tahun taksiran 1980 hingga 1982.

Mengikut belanjawan 1980, elaun susutnilai yang semakin meningkat dan elaun modal yang diberi ke atas kilang-kilang dan alat jentera milik syarikat-syarikat perniagaan akan dilanjutkan selama tiga tahun lagi sehingga tahun taksiran 1983.

Kerajaan juga mencadangkan pemberian layanan cukai lebih istimewa kepada perniagaan insurans semula (*reinsurance*) dengan alasan untuk menggalakkan pengaliran masuk perniagaan ini ke negeri kita. Dengan itu, kerajaan akan mengurangkan cukai keuntungan premium insurans semula bersih dari 40% kepada 5%. Pihak kerajaan juga akan mengurangkan cukai ke atas kereta sewa dan cukai jalan ke atas teksi sebanyak 50%.

### **Pengurangan Cukai Ekspot Barangan**

Belanjawan Negara 1980 juga telah memperkenalkan struktur duti (cukai) ekspot yang baru bagi barangan seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit di mana duti eks-

pot dikenakan hanya apabila harga barangan itu melebihi kos pengeluaran.

Dengan struktur baru ini, duti ekspot akan dikenakan apabila harga getah melebihi 60 sen sepoun, harga kelapa sawit melebihi \$500/ setan dan harga bijih timah melebihi \$1,200 sepikul. Dengan perubahan ini kerajaan akan kehilangan hasil duti ekspot getah sebanyak \$206 juta dan hasil duti ekspot bijih timah sebanyak \$162 juta.

Walaupun pekebun-pekebun kecil getah akan memperolehi pendapatan yang lebih tinggi sedikit akibat perubahan struktur duti ekspot getah, tetapi pihak yang mendapat faedah yang lebih besar ialah estet-estet getah, terutama estet-estet yang besar. Pelepasan duti ekspot kelapa sawit dan bijih timah umumnya akan juga diperolehi oleh syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam perusahaan ini.

### **Siapa Lebih Beruntung?**

Selepas meneliti belanjawan negara 1980 dengan secara terperinci, kita tidak dapat mengelak dari membuat kesimpulan bahawa ianya lebih menguntungkan pihak syarikat-syarikat perniagaan daripada orang-orang perseorangan.

Jumlah pelepasan cukai yang diperolehi oleh orang-orang perseorangan ialah \$97 juta (ataupun 19% daripada jumlah potongan cukai) berbanding dengan pengurangan duti ekspot getah dan bijih timah sebanyak \$368 juta (ataupun 74% daripada jumlah potongan cukai) dan pelepasan cukai kepada syarikat perniagaan sebanyak \$34 juta (7% daripada jumlah).

### **Beban Inflasi Berterusan**

Selain dari itu, kita juga tidak harus melupakan hakikat bahawa inflasi yang dijangkakan menjadi lebih hebat pada tahun depan. Ini pula akan menyerap sebahagian daripada penjimatan yang diperolehi oleh orang-orang perseorangan dari pelepasan cukai itu.

Sebesar mana penjimatan mereka akan ditelan oleh inflasi adalah bergantung kepada kadar inflasi di negeri ini pada tahun depan.

Oleh yang demikian, walaupun belanjawan tahun ini boleh dikenang sebagai satu belanjawan yang telah menaikkan pelepasan cukai perseorangan setelah ianya tidak mengalami perubahan sejak 30 tahun yang lepas, tetapi pelepasan itu masih lagi kecil, terutama apabila kita mengingatkan hakikat bahawa sejak awal tahun 70'an inflasi telah melanda ekonomi kita dan membebankan rakyat.

Mengikut angka tunjuk harga pengguna, di antara tahun 1972 hingga tahun 1979, kos hidup di negeri ini telah meningkat sekurang-kurangnya sebanyak 60%. Ini bermakna wang kertas satu ringgit kita hanyalah bernilai lebih kurang 60 sen saja jika dibandingkan dengan nilainya tujuh tahun yang lalu.

Di samping itu, walaupun kita tidak dapat menafikan bahawa golongan menengah bawahan yang makan gaji telah mendapat faedah dari pelepasan cukai pendapatan dalam belanjawan 1980, tetapi, dari perbincangan di atas, kita dapati bahawa golongan kaya mendapat faedah yang jauh lebih besar dari pelepasan cukai itu.

Malah, potongan cukai mereka adalah lebih besar. Tidakkah ini akan memburukkan lagi ketidaksetaraan dalam agihan pendapatan di negeri ini?

Seterusnya, kita juga tidak harus melupakan nasib beratus ribu rakyat miskin di negeri kita. Oleh kerana pendapatan mereka terlalu rendah, mereka tidak diperlukan membayar cukai pendapatan. Oleh yang demikian, kenaikan pelepasan cukai pendapatan yang baru diumumkan itu tidak memberi makna kepada mereka.

Memang benar yang belanjawan tahun depan telah memperuntukkan subsidi sebanyak \$170 juta untuk baja dan jentera untuk petani dan nelayan, serta tambahan \$21



juta peruntukan untuk memperbaiki sistem pemasaran hasil tanaman dan tangkapan.

Tetapi, sejauh manakah subsidi-subsidi ini benar-benar sampai kepa-

da mereka yang benar-benar miskin? Dapatkah kerajaan menjamin yang peruntukan itu tidak diselewengkan kepada mereka yang sudah berada?

Jika ini tidak dapat dijamin seperti pada masa yang lepas, maka rakyat miskin negeri ini akan tetap terabai oleh belanjawan tahun 1980. ni

# KISAH PELABUHAN KUANTAN: WANG RAKYAT TERUS MEMBAZIR


**Jaseni**

Pelabuhan Kuantan yang terletak di Tanjung Gelang, 16 batu dari bandar Kuantan, pada mulanya dirancang sebagai sebuah projek RMK 2. Ia diharapkan akan menjadi tenaga penggerak kepada kemajuan kawasan pendalaman Pahang, Trengganu dan Kelantan, akan mewujudkan 10,000 peluang pekerjaan baru di samping menjimatkan masa dan wang daripada menggunakan kemudahan-kemudahan di Pelabuhan Kelang, Johor Bharu atau Singapura.

Ia akan dijadikan jalan penghubung utama kepada pasaran dunia bagi projek-projek pembangunan serantau seperti KESEDAR, KETENGAH dan DARA. Di samping itu, sebuah kawasan perindustrian besar juga sudah sedia dirancang yang akan mengeluarkan barang-barang industri kegunaan tempatan dan eksport. Dari segi ekonominya, ia akan memberikan keuntungan besar kepada negara.



Retakan timbul lagi selepas pembaikan  
(Sumber: STAR)



Peta Pelabuhan Kuantan (Sumber: STAR)

Secara fizikal, pelabuhan ini adalah sebuah pelabuhan tiruan yang dibina di atas kawasan paya dan terlindung dari angin Timur Laut dan Lautan China Selatan oleh dua pemecah air (breakwaters). Di dalamnya, terdapat tempat kapal-kapal kargo am berlabuh, pelantar serbaguna, tempat berlabuh kapal tangki minyak yang boleh menerima kapal-kapal hingga ke abad ke 21, ditambah pula dengan kawasan simpanan seluas 1,500 ekar untuk tujuan peluasan.

Apabila siap, ia boleh menguruskan kargo seberat 1.3 juta tan untuk diekspot. Pada 1990, ia boleh menerima 900 kapal dan 35,000 tan kargo setiap tahun. Dalam pelan induknya, termasuk juga pembinaan sebuah pengkalan tentera laut.

Pelancaran projek ini daripada peringkat perancangan dan seterusnya dilakukan oleh perunding-perunding luar negeri dan tempatan. Banyak badan lain terlibat dalam perancangan dan pembinaannya. Mereka adalah seperti berikut:

a) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bersama dengan Bish and Partners, sebuah syarikat Belanda. Perunding ini bertanggungjawab melukis rekabentuk pelabuhan dan kawasan perindustrian yang berhubung dengannya. Ini termasuklah penyelidikan perunding untuk rekabentuk kejuruteraan, perancangan dan pengurusan projek.

b) Kumpulan Boskalis Westminster. Bina Citra, sebuah syarikat usahama antara sebuah syarikat



Apabila siap, ia boleh menguruskan kargo seberat 1.3 juta tan untuk diekspot.

Perancis, **Spie Butigonalles** dan seorang dari kerabat diRaja Negeri Sembilan. Mereka terlibat dalam pembinaan pemecahair, tiang-tiang dan kemudahan-kemudahan pelabuhan.

c) **Sepakat Setia Perunding** yang membina kemudahan-kemudahan pelabuhan

d) **Adriaan Volver/Stevien**—sebuah syarikat Belanda yang menjalankan kerja penggalian dan reklamasi.

e) Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Kerja Raya di bawah Kementerian Kemudahan Awam telah menyelaraskan dengan para perunding dan mengawal aspek-aspek teknikal projek tersebut.

Sebaliknya kerumitan-kerumitan teknikal yang lebih besar telah timbul.

Dari segi perbelanjaan, bantuan berjumlah 3 juta ringgit telah diberi oleh kerajaan Belanda bagi kajian-kajian '*feasibility*', manakala Bank Pembangunan Asian menyediakan pinjaman sebanyak \$76 juta. Perbelanjaan lain-lainnya ditanggung oleh Kerajaan Malaysia.

Jumlah besar perbelanjaan projek tersebut adalah dianggarkan pada permulaannya sebanyak \$126.6 juta, tetapi ianya telah meningkat naik ke angka \$250 juta pada penghujung 1978.

Alasan-alasan mengapa terjadi perbezaan yang begitu besar dinyatakan sebagai berpunca dari kelambatan selama tiga tahun dalam pelaksanaan projek tersebut dan inflasi yang telah memberi kesan ke atas harga bahan-bahan pembangunan, manakala pihak Perbendaharaan Malaysia mendakwa bahawa juru perunding telah menaksirkan kos secara kasar dan sangat rendah.

Projek tersebut telah diluluskan dalam tahun 1972 apabila kajian-kajian '*feasibility*' buat pertamakali dijalankan; tender ditawarkan

*nadi insan, disember 1979*

dalam tahun 1974. Pembangunan projek tersebut boleh dibahagikan kepada 3 bahagian:—

a) reklamasi tanah-tanah paya dan penggalian pelabuhan

b) pembinaan 2 pemecahair 1,800 meter dan 200 meter panjang

c) pembinaan '*quay walls*'

Pembinaan bangunan pelabuhan dan lain-lain kemudahan seperti jalanraya dan pengkalan tentera laut.

#### Bencana

Pembinaan bermula dengan kerja-kerja reklamasi dan penggalian, tetapi masalah besar dihadapi dalam pembinaan pemecahair dan *quay walls*. Penyelesaian yang disyorkan

oleh juru perunding Bish and Partners tidak sepenuhnya mengatasi masalah-masalah tersebut. Sebaliknya kerumitan-kerumitan teknikal yang lebih besar telah timbul.

Dalam tahun 1975, jeti sementara yang dibina untuk membawa bahan-bahan pembinaan telah dihanyutkan air di musim tengkujuh. Pada awal November 1976, Kontraktor Bina Citra telah menyuarakan kebimbangan mereka terhadap kekuatan rekabentuk *quay walls* oleh kerana pemecahair bahagian luar sedang bergerak dengan kadar 1 meter seminggu disebabkan tanah lembut di dasar laut.

Walaupun pelabuhan sudah hampir siap, ianya tidak selamat digunakan disebabkan masalah-masalah yang disebutkan tadi.

Jawapan pihak perunding adalah supaya meneruskan kerja-kerja pembinaan *quay walls*. Tindakan ini mengakibatkan bencana kemudiannya. Selepas tamat kontrak, keretakan sejauh setengah batu, 6 inci lebar dan 18 inci dalam mulai kelihatan di lantai. Keretakan tersebut



Datuk Hussein sedang melawat

(Sumber: STAR)

juga menjejaskan tebing-tebing *quay walls*, menyebabkan lantai runtuh sebanyak 2 kaki di setengah-setengah kawasan.

Untuk memburukkan lagi keadaan, di antara bulan September 1977 hingga Mac 1979, *quay walls* condong ke arah laut sebanyak 50 cm. ke dalam lumpur dasar laut. Akhirnya mengakibatkan tiang-tiang lampu condong dan bumbung-bumbung gudang melentok, menjadikan kesemua kemudahan rosak. Walaupun pelabuhan sudah hampir siap, ianya tidak selamat digunakan disebabkan masalah-masalah yang disebutkan tadi. Maka dengan yang demikian, jadual penghabisan dalam tahun 1976 telah tidak tercapai hingga ke hari ini.

#### Mengapa?

Mengapakah penyalahkiraan tersebut berlaku? Adalah diura-urakan di kalangan juru perunding asing (di luar negeri) di Kuantan, bahawa kajian permulaan tentang tanah telah dijalankan untuk suatu kawasan





Satu retakan yang besar

Sumber: STAR)

an di Kemaman oleh kerana ianya membuktikan lebih sesuai sebagai kawasan semula jadi untuk projek tersebut. Untuk menyokong perkara ini mereka mendakwa Kemaman mempunyai dasar laut asli yang dalam dan lain kelebihan-kelebihan geografi ini akan mengurangkan kos pembinaan.

Baru-baru ini, Kontraktor Bina Citra telah menyuarakan kebimbangan terhadap kestabilan rekabentuk *quay walls*. Apabila keadaan menjadi lebih buruk satu lagi juru perunding tentang tanah telah ditugaskan bagi membuat kajian terperinci mengenai keadaan tanah dan rekabentuk *quay walls*. Mereka

... Datuk Hussein Onn mengistiharkan bahawa menteri tidak mempunyai pengetahuan profesional mengenai perkara-perkara teknikal dan perkara-perkara tersebut seharusnya diserahkan kepada juru perunding dan mereka yang mempunyai pengetahuan tertentu.

Mengikut sumber-sumber yang hampir dengan juru perunding luar negeri yang terlibat, cadangan telah diketepikan apabila Arwah Tun Razak menggesa yang ianya harus dibangunkan di Tanjung Gelang. Maka dengan yang demikian, kajian tanah tersebut telah ditangguhkan dan kajian yang lain pula dengan segera dijalankan di Tg. Gelang. Semasa melawat kawasan pelabuhan Kuantan baru-baru ini, Datuk Hussain Onn mengistiharkan bahawa menteri tidak mempunyai pengetahuan profesyenal mengenai perkara-perkara teknikal dan perkara-perkara tersebut seharusnya diserahkan kepada juru perunding dan mereka yang mempunyai pengetahuan tertentu.

hasilkan laporan setebal 4 inci menyarankan beberapa punca misalnya, berjuta ringgit telah dibelanjakan bagi menjelaskan pembaikan-pembaikan yang perlu seperti keretakan sahaja menelan belanja \$4 juta. Tetapi kebanyakan pembaikan-pembaikan tersebut tidak berkesan kerana kesilapan-kesilapan yang lain pula timbul kemudiannya.

#### Siapa Salah

Tiada siapa yang dapat menafikan segala bencana ini. Sekarang isunya ialah siapakah yang harus dipersalahkan. Adakah bencana ini disebabkan oleh kecuaihan pihak JKR atau juru perunding yang mengharap mendapat keuntungan

... tiada satu pihakpun mahu bertanggungjawab di atas kerosakan tersebut.

dari rekabentuk atau kontraktor-kontraktor yang mengharapkan keuntungan yang maksima melalui kerja-kerja pembinaan mereka. Kedua-dua juru perunding dan kontraktor telah mulai menuduh satu sama lain, tiada satu pihakpun mahu bertanggungjawab di atas kerosakan tersebut.

Bish and Partners telah menyalahkan Bina Citra kerana mengamalkan cara-cara pembinaan yang tidak betul seperti menggunakan tiang-tiang *piling* yang lebih pendek dan murah.

Apabila keadaan jadi bertambah buruk, kerajaan menjadi cemas.

Terdapat banyak pengajaran yang boleh dipelajari dari kes Pelabuhan Kuantan. Persoalannya: adakah pengajaran-pengajaran ini dipelajari atau adakah mereka ini akan disembunyikan dari pengetahuan umum oleh kerana beberapa implikasi-implikasi yang tidak menyenangkan telah terlibat. Pendedahan Bank Rakyat telah meningkatkan pertanyaan rakyat. Rakyat sedang menunggu. Rakyat mahu tahu. **ni**

## LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN—MANGSA SAM-PINGAN—

Jaseni

Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPK) adalah suatu badan berkanun yang masih menghadapi masalah kewangan yang teruk. Ini adalah disebabkan oleh kelembaban pembinaan yang telah melebihi jangkamasanya dan keadaan teruk perancangan pelabuhan itu sendiri. Kerugian yang dideritai amat menggerunkan. Pegawai-pegawai merasai bahawa dengan adanya pembinaan lebuh raya Gambang-Segamat, pembinaan kilang penapis minyak di Johor dan keistimewaan Pelabuhan Kelang, maka, ada kemungkinan besar barang-barang di sekitar kawasan Kuantan akan disalurkan ke tempat berkenaan. Ini sungguh merugikan LPK.



Untuk masa sekarang, segala kegiatan LPK ditanggung oleh wang pinjaman. Pinjaman dari kerajaan pusat sebanyak \$2.2 juta untuk membiayai perbelanjaan awal sudahpun habis. Satu-satunya sumber pendapatan LPK datangnya dari cukai pelabuhan berjumlah kira-kira \$14,000 sebulan. Perbelanjaan sebanyak \$100,000 sebulan untuk melicinkan penyelenggaraan pelabuhan masih belum dapat digunakan lagi. Oleh demikian, para kakitangan terpaksa melanjutkan lagi masa latihan mereka di Pelabuhan Kelang dan di Pasir Gudang, sambil menunggu persiapan Pelabuhan Kuantan.

Di samping itu pula, pinjaman lain bernilai \$1.5 juta telah digunakan untuk membiayai dua buah 'bot tarik dan bot pemandu (pilot)' dan hasilnya masih ketara lagi. Semua ini menyebabkan kedudukan LPK di dalam keadaan kecemasan. Untuk mengatasi kebobrokan

### **KISAH BENCANA TERBARU!!! PELABUHAN KUANTAN**

Kisah bencana tempatan yang terbaru ini merupakan satu cerita yang amat menarik, Kos produksi yang menggunung tinggi merupakan sesuatu kegiatan yang amat luar biasa dan sampai masa kini kisahnya masih berterusan. 'Pelakun-pelakun' terkenal yang membintangi projek ini adalah termasuk:

1. Bish and Partners.
2. Andrian Volcer/Stevien
3. Spie Butigonalles
4. Bina Citra (Boskalis Westminster Group dan Negeri Sembilan Royal family member)
5. Sepakat Setia Perunding Sdn. Bhd.

dengan 'bintang-bintang' undangan:

1. Geasarins Sdn. Bhd.
2. Geotechnics and Singapore Fugro
3. Sir Bine and Associates

Perancang: Unit Perancang Ekonomi

Penerbit : Kerajaan Malaysia

Pengarah : Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama JKR di bawah Kementerian Kemudahan Awam.

ini mereka berusaha untuk meringankan keadaan buruk ini dengan

membuka sebahagian dari pelabuhan itu dengan secepat mungkin. **ni**

## **PARK CHUNG HEE** **— AKHIRNYA TUMBANG JUGA.**

J.C. Huang

Pembunuhan Presiden Park Chung Hee pada 26 haribulan Oktober, 1979 telah menamatkan pemerintahannya yang berjalan selama 18 tahun. Ini tidaklah bermakna kegiatan syarikat antarabangsa dari negeri Jepun dan kuasa tentera Amerika, akan tamat. Di sebaliknya ia menunjukkan bahawa dengan berdasarkan dari pengalaman di Vietnam, Amerika sedang menganjurkan suatu dasar kelonggaran undang-undang terhadap regim otokratik yang bersekutu dengannya. Ini mengekalkan pengaruhnya di dalam bidang bidang ekonomi, tentera dan politik di kawasan Pasifik Barat.

### **Sejarah Presiden Park**

Park meningkat ke puncak kua-

*nadi insan, disember 1979*

sanya melalui ikhtiar-ikhtiar yang sungguh tidak berperinsip. Semasa Peperangan Dunia Kedua, beliau telah berkhidmat dengan tentera Jepun dan menerima pendidikan ketenteraan. Dewasa itu Jepun menjadi penjajah negeri Korea.

Selepas tamatnya peperangan, Park telah berkhidmat dengan tentera Korea pada 1946. Pada 1948 beliau telah mengambil kesempatan untuk menyebelahi pihak komunis yang pada masa itu sedang memimpin suatu pemberontakan dalam daerah Yosu di selatan Korea.

Beliau telah ditahan dan dihukum bunuh oleh pemerintah Korea. Tetapi beliau dibebaskan selepas mengerahkan kepada pemerintah senarai nama-nama kawan seperjuangannya, termasuklah abang-



Pangkalan tentera Amerika Syarikat di Korea Selatan.



Tetapi beliau dibebaskan selepas menyerah-kan kepada pemerintah senarai nama-nama kawan seperjuangannya, termasuklah abangnya sendiri. Justru itu mereka yang terlibat telah di-  
bunuh.

nya sendiri. Justru itu mereka yang terlibat telah dibunuh.

Dengan kepintarannya, beliau telah dapat memikat hati pemerintah dan tindakannya telah diam-punkan. Maka Park pun kian me-ningkat dan akhirnya berjaya me-rampas kuasa dari John Chang di dalam suatu rampasan kuasa tente-ra.

#### Penindasan Politik

Park telah melakukan berba-gai-bagai penindasan terhadap go-longan yang membangkang dan me-nentangnya. Melalui kegiatan *Korean Central Intelligence Agency* (KCIA) Park telah merestui tindak-an seperti pemburuan, tahanan di tengah malam, tuduhan palsu, siksa-an dan pembunuhan. Pemimpin-

bulan.

#### Ekonomi Korea Selatan

Memang tidak boleh dinafikan bahawa kadar pertumbuhan ekono-mi Korea Selatan adalah di anta-ra 10 hingga 12% setahun, iaitu sa-tu di antara kumpulan negeri-ne-geri yang tertinggi sekali. Di sebalik-nya pula, harga bahan-bahan peng-guna telah meningkat ke kadar 18 hingga 19% setahun.

Korea Selatan juga di dalam ke-adaan perhutangan yang teruk. Da-ri 1977 hingga 1981, Korea Sela-tan telah meminjam sebanyak M\$22,000 juta. Di antaranya M\$8,800 juta dari Amerika Syari-kat dan M\$8,800 juta lagi dari Jepun. Bunga terhadap jumlah ini dianggarkan menjadi M\$20,700

Park telah melakukan berbagai-bagai penindas-an terhadap golongan yang membangkang dan menentangnya.

pemimpin dari pihak pembangkang yang dianggap *liberal* seperti Kim Dae Jun dan penulis kebangsaan seperti Kim Chi Ha juga dipenjara-kan.

Apabila tunjuk perasaan dan pemberontakan berlaku dengan le-bih kerap lagi, Park telah mengu-atkuasakan Undang-undang Tentera pada tahun 1973. Walau bagaima-napun bantahan dan tunjuk perasa-an anti Park tetap berlaku. Perasa-an tidak puas hati tercetus secara besar-besaran apabila suatu rusuhan berlaku di antara pelajar dan pe-kerja menentang pemerintah di bandar-bandar Pusan dan Masan di sebelah selatan. Rusuhan berlaku di kawasan *free trade zones* oleh pekerja-pekerja Korea disebabkan penindasan dari syarikat antara-bangsa yang membayar gaji rendah di antara M\$40 hingga M\$200 se-



Keadaan sempit untuk menurunkan kos.

Membangunkan kawasan perindustrian.





Kilang kasut: kimia akibatkan kematian

Seperti di mana-mana, dengan adanya perkembangan ekonomi dan pendidikan di dalam sistem ini, maka bertambahlah pula kesedaran terhadap percanggahan dan pemerasan di dalam masyarakat.

juta. Walau bagaimanapun Korea Selatan dianggap sebagai suatu negeri yang telah maju di dalam bidang perusahaan dan Park telah dianugerahkan dengan kehormatan terhadap kejayaan ekonomi tersebut.

Perubahan yang berlaku di Korea Selatan dari peringkat *semi-feudal* hingga ke peringkat kapitalisme di bawah pimpinan Park telah mengakibatkan perubahan yang besar terhadap masyarakat tersebut. Seperti di mana-mana, dengan adanya perkembangan ekonomi dan pendidikan di dalam sistem ini, maka bertambahlah pula kesedaran terhadap percanggahan dan pemerasan di dalam masyarakat.

#### Amerika Syarikat, Jepun dan Park

Negeri Jepun merangkumi 87% dari kadar pelaburan asing di Korea Selatan dan Amerika Syarikat pula menguasai lebih dari 10%. Tetapi kehadiran pengkalan-pengkalan tentera Amerika Syarikat le-

bih menonjol dan lebih berpengaruh.

Amerika Syarikat telah menandatangani suatu perjanjian dengan negeri Jepun selepas Peperangan Dunia Kedua untuk menghalang pencerobohan Jepun dan juga untuk meningkatkan lagi kegiatan ekonomi Amerika Syarikat di be-

nua Asia. Memang sudah menjadi suatu fahaman umum bahawa Amerika Syarikat akan menumpukan perkembangan ekonominya di negeri Philippines dan Jepun pula menumpukan kepada Korea Selatan.

Jika kita merujuk kepada Jadual 1 kita dapati bahawa pada 1950 hingga 1977, Amerika Syarikat telah membuat perjanjian tentera dengan Korea Selatan yang berjumlah lebih dari M\$3,600 juta. Mereka juga memberi latihan tentera yang bernilai M\$337 juta dan mendidik 34,024 penuntut dalam hal ehwal ketenteraan di Korea Selatan. Ini adalah suatu bantuan tentera yang paling tinggi di dalam Asia 'bebas' (tidak termasuk bantuan tentera ke Indochina sebelum tamat Peperangan Vietnam).

Untuk masa sekarang Amerika Syarikat mempunyai 42,000 askar di Korea Selatan dan telah membantu negeri ini untuk membentuk alat-alat senjata yang berjumlah lebih dari 700 senjata pandu nuklear. Juga telah difahamkan bahawa pada 1980, Korea Selatan akan mampu membina senjata nuklear sendiri.

Alasan Amerika Syarikat terhadap bantuan tersebut adalah untuk menolak serangan Korea Utara dan mengawal ancaman komunis. Pada



Kanak-kanak setingan di kawasan Pusan





Keluarga Kim Dae Jung sedang protes.

dewasa ini Amerika Syarikat mengikut suatu dasar persefahaman dengan negeri Rusia dan China. Oleh demikian perkara ini seolah-olah memberi gambaran bahawa Amerika Syarikat lebih mementingkan keselamatan pelaburannya dari apa-apa ancaman di dalam

waspada terhadap rampasan kuasa dari tenteranya.

Oleh demikian, Korea Utara telah digunakan sebagai suatu dalih untuk masalah-masalah Korea Selatan. Justru itu jika berlakunya sesuatu rampasan kuasa ataupun komplot menggulingkan kerajaan,

ngaruh bukan sahaja Park tetapi juga Amerika Syarikat. Mungkin Amerika Syarikat berpendapat bahawa masanya sudahpun tiba untuk Park melonggarkan pemerintahan kuku besinya. Ataupun cadangan yang lebih menarik adalah menggantikan Park dengan pemimpin yang bersikap *liberal*.

Pembunuhan Park telah dilakukan oleh Pengarah KCIA, suatu pertubuhan yang ada hubungan rapat dengan CIA (Amerika Syarikat). Adakah ini menunjukkan penglibatan Washington, tidak seorangpun tahu. Mengikut *Far Eastern Economic Review* Amerika Syarikat tidak merasa keciwa di atas pembunuhannya.

Jika dikaji dari perkembangan Park ada persamaan dengan kematian Ngo Dinh Diem, presiden Vietnam Selatan yang telah terbunuh

Jadual 1: Bantuan Tentera Amerika Syarikat di Asia, 1950-1977

Jadual 1: Bantuan Tentera Amerika Syarikat di Asia, 1950-1977

	Perjanjian Jualan Senjata (\$ juta)	Latihan Tentera (\$ Juta)	Jumlah Penuntut dilatih oleh A. Syarikat
Korea S.	\$3600	\$337	34,024
Taiwan	\$2600	\$225	25,478
Thailand	\$638	\$161	17,829
Philippines	\$308	\$132	16,195
Singapura	\$361	\$ ?	?
Malaysia	\$143	\$ 5.8	598
Indonesia	\$137	\$ 51	5,206

Sumber: US Dept. of Defence—Foreign Military Sales and Military Assistance Facts (Washington 1977)

Korea Selatan sendiri. Walaupun Park mempunyai 600,000 askar di dalam tenteranya, sebahagian besar askarnya adalah di bawah pimpin-

ini mungkin adalah disebabkan oleh penindasan yang mendadak di Korea Selatan dan bukannya dari pencerobohan Korea Utara.

Justru itu jika berlakunya sesuatu rampasan kuasa ataupun komplot menggulingkan kerajaan, ini mungkin adalah disebabkan oleh penindasan yang mendadak di Korea Selatan dan bukannya dari pencerobohan Korea Utara.

an jeneral-jeneral Amerika. Hanya satu bahagian berada di bawah pimpinan Park untuk mengawal istananya. Di samping itu Park juga ber-

#### Menukar Bantal

Rusuhan yang berlaku pada bulan Oktober di Pusan dan Masan merunsingkan kedudukan dan pe-

pada tahun 1963. Pada masa itu, Amerika sudah bosan dan tidak mempercayai lagi kepada kemampuan Ngo mengatasi masalah dan pemerintahanpun bertukar. Perkara ini bukanlah suatu *accident* pula.

Adakah perkara yang berlaku di Korea Selatan merupakan 'lepas bantal berganti tikar'? Boleh kita mengambil kesempatan ini untuk merenung kembali perkembangan sejarah dan peranan kuasa asing terhadap sosio-ekonomi dan politik negeri sendiri.



# HIKAYAT HAWA (SAMBUNGAN BULAN LALU)



SETELAH  
 BEBERAPA  
 KURUN,  
 TEKNIK  
 PENGELUARAN  
 BERTAMBAH  
 MAJU DENGAN  
 CIPTANYA BERBAGAI-  
 BANGI PERALATAN DAN  
 KUMPULNYA PENGALAMAN...  
 INI BERTERUSAN SEHINGGA...



PADA MULANYA,  
 HASIL PENGELUARAN  
 HANYA CUKUP  
 UNTUK KEPERLUAN  
 HIDUP SETIAP  
 ORANG...



TETAPI, DENGAN  
 KEMAJUAN  
 TEKNOLOGI  
 PENGELUARAN,  
 PENGELUARAN  
 SUDAH LEBIH  
 DARI MENCIKUPI!  
 TIMBULNYA  
 LEBIHAN.



TIMBUL PULA PERSEALAN APA YANG HARUS DIBUAT DENGAN LEBIHAN INI



!?!?



Kaum lelaki menuntut hak membuat keputusan kerana dialah yang dapat menguasai alat-alat perkas bagi mengeluarkan makanan berlebihan itu ...


\* konsep pemilikan telah memulakan peringkat baru dalam sejarah manusia.

Bila lelaki menuntut kuasa membuat keputusan, secara langsung ini bermakna dia juga menuntut hak milik ke atas bahan makanan tersebut.


Hakikatnya siapa juga hari ini: orang yang memiliki alat-alat pengeluaran menyalak segala hasil yang dikeluarkan sambil menolak tuntutan orang yang tidak memiliki alat-alat pengeluaran. Oleh itu, sebelum zaman dulu kaum lelaki menuntut hak milik ke atas bahan-bahan makanan semasa waktu kerana wanita tidak terlibat secara langsung dalam pengeluaran makanan dan oleh kerana itu, tidak pula menguasai alat-alat pengeluaran berkenaan.



AKU PUNYA!







LAGIPUN, LELAKI TELAH TURUN-TEMURUN DILATIH MEMBURU BINATANG BESAR. MAKA JADILAH IA SEORANG PAHLAWAN YANG LEBIH BERKESAN DARI PADA WANITA, KERANA WANITA KURANG PENGALAMAN DAN KERAP PULA MENGANDUNG. LELAKI BERTUGAS MENJAGA BEKALAN MAKANAN, DAN INI PULA TELAH MEMBERINYA LEBIH KUASA TERHADAP BAHN TERSEBUT.




PADA MULANYA, SEGALA LEBIHAN DIMILIKI BERSAMA OLEH SEMUA ANGGOTA SESUATU KUMPULAN MASYARAKAT. TETAPI, APABILA ADA BEBERAPA ORANG YANG LEBIH BERPENGARUH DISEBABKAN KEPAPHLAWANAN MERKA ATAU KECERKAPAN MERKA MEMBURU ATAU BERLADANG, MERKA MULA MENUNTUT HAK PERSENDIRIAN. KADANG-KADANG, ORANG LAIN MEMBERI MERKA UFTI ATAU HADIAH. SEMENJAK ITU, MANUSIA MULA BERPEGANG KEPADA KONSEP HAK MILIK PERSENDIRIAN.



PENGAN KEMAJUAN DARI SEGI TEKNIK PENGELUARAN, TIMBUL PULA UNIT PENGELUARAN SOSIAL YANG LEBIH. OUBH KORANA TONAGIA DAN PENGALAMAN BERBEZA, MAKA DAYA PENGELUARAN JUGA BERBEZA. APA YANG DIHASILKAN OUBH SESUATU KUMPULAN ITU MENJADI MILIK KUMPULAN ITU. MAKA, TIMBULAH DUA GOLONGAN - YANG BERADA (KAYA) DAN YANG KURANG BERADA (MISKIN).



BILA BERLAKUNYA KESUKHTAN,  
 YANG MISKIN MEMINTAM  
 DARI PADA YANG KAYA.  
 SEKIRANYA HUTANG  
 TIDAK DAPAT  
 DIJELASKAN, MEREKA  
 TERPAKSA MEMPERHAMBAKAN  
 DIRI SENDIRI ATAU  
 AHLI KELUARGA MEREKA  
 BAGI MENJELASKAN  
 HUTANG. JADILAH  
 MEREKA HANBA  
 TEBUSAN - HAK MILIK  
 PERSENDIRIAN ORANG  
 KAYA



DALAM KEADAAN  
 YANG BARU INI,  
 DAN DENGAN  
 KONSEP HAK  
 MILIK PERSENDIRIAN  
 YANG BARU ITU,  
 MANUSIA MULA  
 MENUNTUT HAK  
 KE ATAS  
 BENDA-BENDA  
 SERTA MANUSIA  
 LAIN



PERWIRA YANG DITAWAN DIBAWA PULANG UNTUK BEKERJA KERANA SEORANG MANUSIA  
 SUDAH BOLEH MENGELUARKAN LEBIH DARI KEPERLUANNYA SENDIRI. JADI, ADALAH  
 LEBIH MENGUNTINGKAN JIKA ORANG-ORANG TAWANAN TIDAK DIBUNUH TETAPI  
 DIJADIKAN HAMBAN.



(SAMBUNGAN BULAN DEPAN)



## MALAM MEMPERINGATI DR. BURHANUDDIN



*'Di atas robohan kota Melaka  
Kita dirikan jiwa merdeka  
bersatu padulah segenap baka  
membela hak keadilan pusaka'*

*(Dr. Burhanuddin)*

Seperti yang telah dirancang dan diatur, tepat jam 8 malam, 25hb. Oktober, 1979 yang lalu, majlis memperingati Dr. Burhanuddin Al-Hulaimi, tokoh pejuang kebangsaan yang gigih, bermula di balai budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Genap satu dasawarsa yang lalu beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir—meninggal dunia sebagai seorang tokoh nasionalis yang tidak pernah luntur semangatnya.

Institut Analisa Sosial dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan majlis tersebut dengan tujuan dasarnya: untuk memperingati, mencungkil dan merekodkan kembali kisah hidup dan perjuangan tokoh ini. Teman-teman seperjuangan beliau, Datuk Ahmad Boestamam, Pak Mustapha Husin, Datuk Mohd. Asri dan Datuk Kampo Radjo, hadir berucap dan berjaya meninggalkan kesan yang amat mendalam. Di samping

itu, Tuan Haji Halim, adik Dr. Burhanuddin juga berucap menceritakan watak dan semangat tokoh tersebut. Sdr. Kamaruddin Jaafar, pensyarah di Jabatan Sains Politik, UKM, telah memberikan pembicaraan ringkas dan menyeluruh mengenai perjuangan Dr. Burhanuddin.

Dalam ucapan pembukaannya, Datuk Ahmad Boestamam yang juga mempengerusikan majlis itu, menyatakan bahawa setelah 10 tahun Dr. Burhanuddin meninggal dunia, tidak ada nukilan bernilai untuk beliau telah dibuat, selain dari sebuah sekolah di Taiping, Perak, yang dinamakan dengan nama beliau—Sekolah Menengah Dr. Burhanuddin.

Datuk Ahmad Boestamam berpendapat bahawa Dr. Burhanuddin adalah pejuang yang berhati waja dan kewajaan hatinya terbukti dengan memperjuangkan Melayu



Raya dan kebangsaan negara yang bernama Melayu sejak zaman PKMM (Persatuan Kebangsaan Melayu Muda).

Datuk Ahmad Boestamam dengan rasa terharu menyatakan bahawa majlis memperingati Allahyarham Dr. Burhanuddin yang dianjurkan oleh Institut Analisa Sosial nampaknya suatu tamparan kepadanya kerana beliaulah yang sepatutnya telah melakukan sesuatu untuk menghargai jasa patriot terulung itu.

Sdr. Kamaruddin Jaafar, berucap sebagai seorang ahli akademik dan penyelidik, berpendapat bahawa perjuangan dan pemikiran politik Allahyarham menunjukkan beberapa unsur yang unik dalam sejarah politik Melayu di negeri ini. Penglibatan beliau dalam arena politik menjangkau sebahagian besar perkembangan politik negeri ini sendiri, teman-teman perjuangan dan pemikiran politik adalah rangkuman dari tema utama perjuangan politik bangsa Melayu itu sendiri.

Menurut sdr. Kamaruddin Jaafar lagi, Dr. Burhanuddin sentiasa memandang tinggi ilmu yang dituntut kerana beliau pernah berkata bahawa ilmu yang tinggi dapat digunakan sepenuhnya untuk memperjuangkan nasib masyarakat yang dikongkong oleh penjajah selama ini.

Datuk Kampo Radjo yang mengakui bahawa pergaulannya dengan Dr. Burhanuddin sangat singkat menyatakan bahawa tindakan pihak kerajaan menahan beliau semasa 'konfrantasi' merupakan faktor utama yang merosakkan kesihatannya. Dr. Burhanuddin yang berada di bilik tahanan bersebelahan dengannya mengidap sakit yang tenat. Malah, desir pernafasan beliau yang tenat ini dapat didengar dari bilik tahanannya. 'Kerana itu' tambah Datuk Kampo Radjo, 'Saya pernah memberikan masa rehat saya kepada Allahyarham agar beliau dapat lebih berihat. . . walaupun saya terpaksa



●ALLAHYARHAM DR BURHANUDDIN



●DATUK AHMAD BOESTAMAM

duduk bergelap dalam bilik tahanan.'

Tuan Haji Halim, adik Dr. Burhanuddin, selain dari cuba menimbulkan kenang-kenangan mengenai zaman kanak-kanak dan zaman muda tokoh ini, juga telah mengemukakan fakta baru mengenai peringkat awal tumbuhnya minat Dr. Burhanuddin terhadap

politik. Menurut Tuan Haji Halim, tatkala berada di Indonesia, ketika umurnya 15 tahun, beliau dengan ghairahnya mendekati perjuangan Sarekat Islam, tetapi berkiblatkan kepada Sarekat Islam merah.

Datuk Asri, dalam ucapannya menyatakan bahawa beliau kagum dengan perjuangan politik Allahyarham, lalu beliau menyertai PKMM tetapi lebih giat berkecimpung dalam sayap pemudanya, iaitu API, yang dipimpin oleh Datuk Ahmad Boestamam.

Pak Mustapha Hussein, teman seperjuangan Allahyarham, dengan gayanya yang sangat menarik, telah berjaya menimbulkan kisah perjuangan dan kehidupan Allahyarham. Menurut beliau, polis di zaman british menggunakan gelaran *sparrow* atau burung layang-layang untuk Allahyarham. Ini ialah kerana jika burung layang-layang telah membuat sarangnya dalam sebuah dewan ia boleh meruntuhkan dewan itu.

Dalam majlis ini juga Dr. Mohd. Nor, seorang wakil dari Persatuan Perubatan Homeopathy juga telah menerangkan kegiatan Allahyarham dalam perubatan homeopathy. Pendirian Allahyarham dalam bidang perubatan ialah ia tidak mahu bangsanya yang akan merdeka (bangsa Melayu) akan menjadi *gunnypig* untuk menjalankan penyelidikan perubatan oleh pakar-pakar perubatan barat.

Pak Sako (Ishak Haji Muhammad) yang sepatutnya hadir memberikan ucapan pada malam itu telah tidak dapat hadir kerana berhalangan.

Institut Analisa Sosial juga telah menjemput Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani untuk turut serta berucap, tetapi YB. ini juga tidak mempunyai kelapangan masa.

Sebagai penutup majlis, ketua pengarang Nadi Insan, Dr. Mohd. Nasir Hashim, telah membacakan sajak mengenai Allahyarham. Sajak tersebut disiarkan dalam Nadi Insan keluaran ini. 177



# KARYA BERTEMAKAN RAKYAT

*Penulisan merupakan suatu percakapan dan percakapan pula merupakan pembungkaran sesuatu aspek dunia supaya kita dapat mengubahkannya. Oleh demikian, sastra itu, pada hakikatnya, adalah hasil dari sesuatu sikap, biarpun sedar atau tidak, terhadap kejadian-kejadian dunia.*

*Penulis yang bertanggungjawab berbeza dengan yang lain bukanlah kerana ianya melibatkan diri di dalam dunia tetapi kerana dia sedar terhadapnya. Dia berikhtiar untuk mendapatkan penjelasan yang terang dan kesedaran yang matang terhadap kegiatannya; iaitu kerana dia berjaya memindahkan kemampuannya dari tahap kejadian spontan ke tahap kesedaran yang menyeluruh.*

## Mokhtar Yusof

SASTERAWAN lahir, hidup dan tumbuh dalam masyarakat. Ia menulis berdasarkan kekayaan pengalaman hidupnya, pengetahuan intelektualnya yang diperolehi dari masyarakatnya. Dan seperti rakan intelektual lainnya, para sasterawan berusaha menangkap intisari kenyataan manusia pada masanya.

Bertolak dari sini tidak hairanlah di sekitar-tahun lima puluhan dan enam puluhan, kita bertemu dengan karya sastra, baik yang berbentuk prosa mahupun puisi, yang mempunyai hubungan yang rapat dengan rakyat. Tegasnya, tema kehidupan rakyat baik tentang kesakitan dan kepedihannya menjadi bahan garapan utama pada sasterawan.

Karya-karya yang dihasilkan oleh golongan ASAS 50 telah memperlihatkan penglibatan rakyat secara *total*. Slogan *Seni Untuk Masyarakat* telah digunakan oleh mereka dengan begitu jelas sekali. Begitu jugalah halnya dengan kelahiran antoloji-antoloji Teluk Gong, Keranda 152, Suara Tujuh atau Kemarau Di Lembah sendiri di tahun-tahun enam puluhan jelas menunjukkan betapa penyair bersuara dengan lantang, terbuka jelas dan tegas untuk membela rakyat yang tertindas dan terbiar.

Hal ini bertepatan sekali dengan kenyataan Sartre yang berbunyi, 'Menulis bermakna bercakap, dan bercakap bermakna membungkar sesuatu sifat dunia, dengan bertujuan untuk mengubahkannya. Sastra adalah hasil sesuatu sikap secara sedar atau tidak, terhadap dunia ini.'

'Penulis yang penuh keazaman berbeza dengan yang

lain. Ini bukanlah disebabkan oleh penglibatannya di dalam dunia, tetapi sebaliknya dia sedar hakikatnya, sebab dia berikhtiar untuk mendapatkan penjelasan dan pengertian yang penuh terhadap penglibatannya; iaitu sebab dia berjaya memindahkan keazamannya dari peringkat kegiatan spontan ke peringkat kesedaran yang menyeluruh.'

Sayangnya, bila kita meneliti karya-karya sastra mutakhir kita, kita mendapati betapa kemaraunya tema kehidupan rakyat ini diketengahkan. Penulis-penulis baru nampaknya lebih ghairah untuk membuat eksperimen tentang aliran/bentuk monolog dalaman, *stream of consciousness*, *absurd* dan paling akhir karya sastra berunsur Islam, sedangkan pengertian tentang istilah tersebut masih samar-samar lagi. Penulis-penulis lama pula sudah ramai yang *menggantung pena*, baik kerana kesibukan tugas atau kemandulan bakat.

Apa yang mengembirakan, setelah menatap enam keluaran Nadi Insan (NI), kita bertemu dengan lima buah cerpen yang memfokuskan harapan dan jerih payah rakyat biasa di dalam menghadapi hidup, sebagai temanya.

Empat dari cerpen tersebut dihasilkan oleh H.A.H iaitu Pak Uda (NI Mei), Minah Kanan (NI Jun), Amat Teksi (NI September) dan Hitam Trishaw (NI Oktober).

Tulisan ini akan mencuba untuk membuat beberapa tanggapan awal terhadap cerpen-cerpen H.A.H. tadi. Kita menerima hakikat bahawa untuk memilih dan menganalisa dengan teliti akan ciri-ciri kehidupan rakyat, seseorang pencipta karya sastra mestilah mempunyai sensitiviti yang cukup kuat dan penguasaan bahasa yang luas dan mendalam.



minah kanan





pak uda

Kedua-dua ciri ini ada pada H.A.H. Nilai-nilai estetik yang terkandung di dalam Pak Uda atau Minah Karan mungkin sukar untuk dikesani, atau sememangnya tidak ada langsung. Tetapi, amanat atau maksud yang mahu disampaikan oleh H.A.H. amat jelas sekali.

Menurut H.A.H., semua manusia perlukan pekerjaan untuk menyambung hidup masing-masing. Tidak ada siapapun yang mahukan gaji yang rendah, kehidupan yang terbiar. Tetapi, apabila segala-galanya diukur dengan wang dan wang pula digunakan untuk mengaut seberapa banyak keuntungan, maka akhirnya berlakulah penindasan.

Di dalam Minah Karan, kita bertemu dengan Latifah yang terpaksa bekerja di kilang setelah sekian lama gagal untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik. Ibunya, Mak Piah, pula terpaksa melakukan berbagai kerja dari membuat kuih-kuih jualan, membuat penyapu lidi dan menganyam tikar hinggalah mengambil upah mencuci kain kotor di rumah orang untuk menyara keluarga setelah kematian suaminya.

Bapa saudara Latifah, Cikgu Said, memandang rendah terhadap pekerjaan sebagai Minah Kilang. Sikap yang serupa juga sering ditunjukkan oleh sebilangan besar anggota masyarakat kita. Tetapi, H.A.H. menekankan, *Kalau gaji kecil harus dihina-hinakan, bukankah adil dihina orang-orang yang membayar gaji kecil itu, dari mencela orang-orang yang menerimanya.* (m.s. 31)

Dengan gaya bahasa yang mudah diikuti ini, H.A.H. seterusnya menyelitkan beberapa pandangan (tanggapan) terhadap kesan sebenar yang dibawa oleh pelaburan asing ke atas ekonomi negeri kita. Katabual antara Aziz dengan Latifah jelas menunjukkan buktinya.

*Kemiskinan memang harus dihapuskan. Malah mesti dikikis dari tanahair kita. Tapi dalam usaha untuk menghapuskan kemiskinan ini, mereka telah menerima apa saja syarat-syarat yang dituntut oleh pelabur-pelabur asing,* (m.s. 32) seperti tidak membayar cukai, mendapat layanan istimewa dan para pekerja tidak dibenarkan melibatkan diri di dalam kesatuan sekerja.

Cerpen Pak Uda pula mengisahkan betapa masyarakat kampung 'Aku' (penulis) menggunakan Pak Uda un-

tuk membuat apa saja pekerjaan—kerana Pak Uda memang suka menolong—tanpa memberi sebarang upah. Dari seorang nelayan yang serba boleh dan peramah, Pak Uda meninggalkan kampung.

'Aku' kemudiannya menemui Pak Uda. Pak Uda tidak lagi menjadi nelayan. Beliau telah menjadi *penunggu Keramat Bukit Perdana*. H.A.H. menekankan betapa Pak Uda terpaksa berbuat demikian semata-mata untuk hidup. Dengan nada yang amat sarkastik sekali, H.A.H. menyimpulkan hidup Pak Uda ini dengan 'terpaksa memberi harapan tanpa jaminan, menganjurkan penghidupan baru dengan doa semata-mata'. Begitu halnya dengan setengah-setengah orang kita yang amat gemar menemui 'keramat' kerana tidak mahu berusaha.

Kalaulah Pak Uda dan Minah Karan tidak begitu kuat tema penghidupan rakyat yang diharap oleh H.A.H., maka berlainan sekali bila kita menatap Amat Teksi dan Hitam Trishaw.

Satu kegemaran H.A.H. ialah menjadikan nama tokoh utama satu-satu cerpennya sebagai judul cerpen tersebut. Amat Teksi menceritakan tentang kehidupan seorang pemandu teksi yang terpaksa membuat *trip* berulang-alik dari Melaka ke Kuala Lumpur. Amat menyewa sebuah teksi dari Pak Haji Ahmad yang lebih mementingkan keuntungannya dari kepentingan dan keselamatan pekerjaannya (Amat), walaupun orang itu telah lebih 20 tahun menyewa teksinya itu.

Kerana hendak cepat mengejar *trip*, Amat telah menyondol belakang sebuah kereta Volvo. H.A.H. terus menggambarkan betapa seorang Sarjan Polis lebih mengutamakan orang yang berada dari orang yang seperti nya. Perhatikan petikan ini, *... ia tidak tahan melihat Datuk Sarjan itu bersikap berat sebelah. Kepada orang itu (pemandu Volvo) encik, kepada dia (Amat) engkau sahaja. Kepada orang itu berlaku lemah lembut, tetapi kepadanya mengherdik-herdik. . . .* (m.s. 34).



amat teksi

Sikap terus menghina orang-orang yang susah ini kelihatan lagi apabila Amat berada di dalam *kandang* orang salah kerana menghadapi perbicaraan kes pelanggaran tersebut. Semasa duduk bertindih kaki di situ, Amat telah diherdik oleh seorang mata-mata. Sedangkan apabila loyar-loyar di hadapannya membuat hal yang sama



(duduk bertindih kaki), mata-mata itu hanya menjawab, '... sana hal lain.'

Akhirnya Amat didapati salah dan didenda seratus ringgit atau sebulan penjara, lesen digantung dan dicatit. Amat membayar denda tersebut hasil dari wang gadai-an loket pusaka ibu kepada isterinya.

Selepas peristiwa tersebut, Amat sudah turun menjadi pribet semula. Ia terpaksa mencari sewa, menjual passenger—20 sen sekepala', ... di perhentian teksi.

H.A.H. telah berjaya menyampaikan jeritan dan harapan golongan rendah yang sentiasa berhempas pulas untuk menyambung hidup di dalam keadaan yang amat mencabar dan kadang-kadang begitu gawat ini.

Di dalam Hitam Trishaw pula, H.A.H mengisahkan kehidupan masyarakat penarik beca di Melaka yang berjumlah hampir 800 orang itu dengan memfokuskan kepada wataknya seperti Hitam, Latif, Samad dan Karim.

Hitam adalah bekas S.C. yang kemudian bekerja sebagai buruh dan akhirnya mengatit beca dari jam 5.00 pagi hingga 3.00 petang. Walaupun H.A.H. menjadikan Hitam sebagai *tokoh penting* di dalam cerpen ini, namun sebagaimana dikatakan tadi, H.A.H. tetap menggambarkan ciri-ciri hidup penarik beca ini. Selain dari mengangkut penumpang, mereka juga sentiasa mengunjungi kedai tikam ekor dengan harapan akan mendapat untung yang lebih dari modal yang sedikit.

Penarik-penarik beca samalah dengan golongan pekerja lain yang sentiasa menjadi mangsa penindasan dan hinaan masyarakat yang lebih berada. Bila mereka menghadapi kesusahan, khususnya berhubung dengan soal kewangan, tidak ada siapa yang mahu menolong. Begitulah gambaran H.A.H. Lihat saja petikan ini, *Penarik-penarik trishaw tidak dapat meminjam wang dari sesiapa pun. Tidak ada orang yang percaya kepada kami. Kami boleh bergantung kepada kedai pajak sahaja—Tetapi, bagaimana hendak bergantung kalau tidak mempunyai emas barang semayampun?*

Petikan di atas juga menunjukkan betapa H.A.H. menggunakan unsur monolog dalaman untuk menampilkan pemikiran watak utamanya di samping pergerakan perjalanan cerita. Unsur seumpama ini digunakan dengan baik oleh H.A.H, baik di dalam Amat Teksi mahupun Hitam Trishaw tadi.

Kembali kepada cerita Hitam, kita mendapati dalam keadaan susah itupun, ada orang-orang Melayu yang cuba mengambil kesempatan untuk menubuhkan Syarikat Trishaw Melayu untuk kemudiannya menyewakan


*nadi insan, disember 1979*

trishaw kepada pengatit-pengatit trishaw tersebut. Manusia ini ialah Haji Abdul Rahman. Rakan-rakan Hitam ramai yang tertarik dengan ura-ura ini. Tetapi, Hitam menolaknya kerana, *Tujuan mereka tidak lain hendak mengambilalih dari taukeh China kepada taukeh Melayu. Kalau dah taukeh tu apa bangsapun taukeh juga—same saja. Dasar mereka semata-mata hendak mencari untung.* (m.s. 37)

Secara keseluruhannya, H.A.H telah berjaya menyampaikan jeritan dan harapan golongan rendah yang sentiasa berhempas pulas untuk menyambung hidup di dalam keadaan yang amat mencabar dan kadang-kadang begitu gawat ini. Kemerdekaan dan pembangunan negara kadang-kadangnya turut mengenyepikan orang-orang miskin dan kurang pelajaran. Sikap memandang bulu atau mengeksploit tenaga orang lain memang masih ada di dalam masyarakat kita.

Jadi, usaha H.A.H menampilkan semula tema kehidupan rakyat, dengan kesakitan dan penderitaan, boleh dikatakan berjaya di peringkat awal ini, walaupun terdapat beberapa kelemahan yang agak menonjol, khususnya dalam jalinan plot, baik di dalam Minah Karan ataupun Pak Uda.

Kombinasi penceritaan yang baik dengan penggunaan unsur imbas kembali, monolog dalaman dan gambaran masa dan tempat, menjadikan dua cerpennya yang terkemudian lebih berjaya.



hitam trishaw

Semuga NI menyiarkan lebih banyak cerita-cerita begini kerana inilah realiti yang berada di depan mata kita. Kemampuan H.A.H menggunakan tema ini memang tidak diragui. Justeru itu, kita menunggu cerpen-cerpen baru dirinya. Kerana Jack London pernah berkata, 'Penulis yang berjiwa rakyat bukan sahaja menulis tentang golongan pekerja, dia harus dibaca oleh golongan tersebut. Penulis yang berjiwa rakyat sebenarnya bukan sahaja harus menulis hakikat kehidupannya sebagai pekerja, tulisannya harus menyala dengan semangat perjuangan.'

■



## EINSTEIN

: 1879—1979

## — SAINTIS RAKYAT

K.Chin

Tempoh seabad kelahiran Albert Einstein sedang hampir tamat. Maka biarlah kita mengambil kesempatan ini untuk merenung jauh perihal seorang insan yang telah mempersembahkan sumbangan-sumbangan untuk dipertikaikan dan diamalkan demi menggerak dunia ke arah kemajuan. Berbagai-bagai cara telah dianjurkan untuk memperingati sumbangannya melalui media massa umum dan sains.

Salah sebuah majalah mingguan Inggeris yang luas pengaruhnya memulakan penghargaannya terhadap Einstein seperti berikut:

'Beliau adalah seorang ahli nujum moden yang dapat menghu-  
raikan pandangan-pandangan baru yang sungguh menakjubkan mengenai ruang dan masa, menukarkan tanggapan manusia terhadap alam sejagat—dan dirinya sendiri. Dialah yang mempelopori konsep relativiti dan melancarkan zaman atom ini dengan formula-formulanya yang terkenal....'

Sungguh tidak menyenangkan apabila sumbangannya diibaratkan seperti kepercayaan karut zaman Penengahan. (Adakah memang sudah terlintas dalam pemikiran Einstein apabila beliau menyatakan: Adakah aku ini gila atau mereka yang gila?) Seterusnya Einstein digambarkan sebagai 'seorang *genius* yang unggul dan tenang', yang terpisah dari dunianya, pertama dalam pejabat pendaftaran ciptaan-ciptaan baru di Switzerland dan selepas itu di Universiti Princeton.

Pada hakikatnya, Einstein merupakan seorang yang kenal kepada alam nyata, dan sangat menyedari suasana politik dan sosial zamannya. Dia telah dilahirkan dalam ke-

uarga Yahudi Jerman pada tahun 1879 dan sifat pemikiran dan pendiriannya yang bebas itu telah dapat disaksikan semenjak umurnya masih muda lagi.


Dia telah meninggalkan sekolah ketika umurnya 15 tahun tanpa menerima diplomasnya disebabkan oleh ketidakpuasan hati terhadap keadaan yang mengongkongkan pemikiran dan mata pelajaran yang sempit di sekolah. Kemudian Einstein meninggalkan negeri Jerman dan menjadi seorang warga-negara yang tidak bernegara.

Setahun kemudian beliau memasuki univerti di Zurich, Switzerland yang pada masa itu (akhir abad ke 19) menjadi pusat kegiatan bagi orang-orang buangan politik dari Jerman dan lain-lain negeri Eropah. Einstein yang masih bersikap bebas itu jarang menghadiri kelas tetapi sentiasa menyertai perbincangan bersama-sama kawannya mengenai fizik, falsafah dan politik.

Bersama-sama dengan dua orang kawannya yang merupakan ahli-ahli fizik, mereka secara sindiran menggelarkan diri mereka sebagai *the Olympia academy* sebagai tentangan terhadap pusat akademi yang sempit yang sanggup mempertahankan kedudukan lapisan akademik kaku dan prinsip-prinsip sains *orthodox*.

Oleh itu tidaklah menghairankan sekiranya Einstein dibenci oleh profesor-profesornya yang mencacinya sebagai 'anjing yang pemalas' dan enggan menyokongnya untuk mendapatkan jawatan sebagai seorang tenaga pengajar di universiti setelah ia memperolehi ijazahnya.

Selepas beberapa waktu melakukan kerja-kerja pengiraan untuk seorang ahli *astronomy*, mengajar se-



bagai seorang tutor dan guru, Einstein berjaya mendapatkan kerja tetap di pejabat pendaftaran ciptaan-ciptaan baru (*Patent Office*) di bandar Berne dengan pertolongan kawannya Marcel Grossman.

Kesedaran sosial dan politik yang telah tersemat di dalam hati sanubarinya telah didedahkan pada masa ke semasa melalui pembelaannya yang lantang terhadap berbagai masalah masyarakat. Beliau adalah penentang terhadap aliran-aliran konservatif yang mendadak dan sedang mempengaruhi pemikiran Amerika Syarikat pada tahun 50'an.

Einstein dengan cara terbuka telah mendesak rakan-rakannya supaya berdiri teguh menentang penyiasatan Kongres walaupun tindakan tersebut boleh mengakibatkan 'penjara dan keruntuhan ekonomi'

Pandangan-pandangannya yang lantang seperti ini, bersama-sama dengan fahaman sosialismenya menyebabkan dia menentang secara terbuka dengan golongan McCarthy yang telah mengecapnya sebagai 'musuh Amerika'. (Pada ketika itu Einstein telahpun memperolehi kewarganegaraan Amerika Syarikat).

Einstein sebenarnya bukanlah seorang genius yang mengasingkan diri. Dia sedar terhadap sifat sosial dirinya sebagai seorang manusia yang bertanggungjawab dan sedar terhadap implikasinya. Ini dapat di-



gambarkan di dalam jawabannya kepada sepucuk surat yang ditulis dari India pada tahun 1953, dan berbunyi demikian:

'Saya amat tertarik dengan hasrat dan kegigihan tuan untuk terus mempelajari ilmu fizik. Walaupun begitu, saya terpaksa mengakui bahawa saya tidak dapat bersetuju sama sekali dengan sikap tuan (merujuk kepada keengganan penulis India itu untuk mencari nafkah kerana ini merupakan sesuatu yang bertentangan dengan 'sifat dalamannya').'

Kita semua adalah dihidupkan dan dilindungi oleh hasil usaha manusia lain, dan kita harus membayarnya secara jujur, bukan sahaja melalui pekerjaan yang kita pilih mengikut ketenangan jiwa kita tetapi juga melalui kerja yang sejajar dengan pandangan umum, iaitu berkhidmat untuk mereka. Kalau tidak, seseorang itu akan menjadi lintah masyarakat (parasit) walau bagaimana kecil pun kehendak-kehendak kita itu. Ini lebih-lebih lagi terdapat dalam negara tuan di mana sumbangan orang-orang yang berpelajaran itu sangat-sangat diperlukan di dalam keadaan masa ini untuk memperjuangkan kemajuan ekonomi.'

Berkenaan dengan sumbangan-sumbangan saintifiknya, tulisan-tulisan yang popular mengenai penemuannya terhadap Teori Khas Relativiti, sebenarnya tidaklah menepati aliran perkembangan intelektualnya. Secara umumnya tulisan-tulisan itu menafikan hakikat bahawa teori-teori saintifik adalah sebenarnya hasil dari satu proses penghimpunan ilmiah sains mengikut perkembangan sejarah. Ini juga merangkumi pemikiran kemasyarakatan.

Ini bermaksud bahawa pengumuman sesuatu pemikiran saintifik yang dikaitkan dengan individu-individu tertentu sebenarnya dapat dilakukan selepas mengkaji usaha-usaha yang terkumpul ramai pakar sains. Ini melibatkan putaran pem-

bentukan masalah, penakrifan semula masalah tersebut, pembentukan rangka konsep dan teknik-teknik, pengumpulan pemerhatian-pemerhatian, pengesahan dan pembantahan dan sebagainya. Einstein sendiri mengakui penjelasan ini bila dia menulis.

'Dalam sains . . . pekerjaan individu itu amatlah terikat dengan pekerjaan-pekerjaan saintifik orang-orang yang sezaman dengannya sehingga ia seolah-olah merupakan suatu hasil yang bukan dari individu tetapi adalah dari jenerasinya.'



Lebih tepat lagi, dia menulis pada tahun 1905 mengenai relativiti khas,

'Sebagai kesimpulan, saya ingin menegaskan bahawa dalam usaha-usaha menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi ini, saya telah mendapat bantuan dari kawan dan rakan sekerja saya, M. Besso dan kerana itu saya terhutang budi kepadanya kerana cadangan-cadangan-nya yang sangat berharga.'

Perayaan memperingati Einstein yang dilakukan oleh sebaran am dalam tahun 1979 sebenarnya adalah satu lagi contoh mengenai keadaan yang menyedihkan di dalam penulisan sains yang popular, sama ada di dalam penjelasan yang mudah difahami mengenai sains sezaman dan selanjutnya sejarah perkembangannya, falsafah sains atau mengenai sains di dalam sejarah masyarakat. Barangkali adalah sesuai kalau kita simpulkan tulisan ini dengan satu kesimpulan daripada Einstein sendiri, yang ditulisnya pada tahun 1948, tetapi masih benar dan tepat di dalam keadaan kita hari ini.

'Kebanyakan daripada buku-buku (dan kalau ditambah, artikel-artikel : Pengarang) mengenai sains yang dikatakan ditulis untuk orang biasa sebenarnya berusaha untuk mengkagumkan pembaca lebih daripada memberi dengan jelas tujuan-tujuan asas sains dan cara-caranya. Setelah rakyat biasa yang pintar membaca beberapa buku-buku ini, dia terus tertawar hati. Kesimpulannya adalah : Pemikiran saya ini terlalu lemah. Tidak guna saya membacanya. Tambahan pula, keseluruhan penerangan itu lebih dilakukan dengan penuh sensasi yang memuakkan seorang biasa yang berakal. Bukanlah pembaca yang bersalah tetapi penulis dan penerbit. Buku 'popular' mengenai sains tidak harus diterbitkan sebelum buku itu dapat difahami dan dihargai oleh seorang biasa yang bijak dan berakal.'



**Dr. Burhanuddin Putera Setia**

**Pak Doktor  
Payah nak ku berkata  
Lidah kelu, perasaan terharu  
Pemergianmu  
Gerhana jiwa**

**Pak Doktor  
Ku terdengar  
Detik hidupmu, membanjiri sejarah  
Meneroka dunia homeopati  
Membongkar penindasan  
Menentang penjajah**

**Dalam kelembutan jiwa  
Kau menjelma gagah  
Bumi bergegar  
Gelisah tak sudah**

**Pak Doktor  
Relakanlah aku menemuimu  
Biarkanlah aku merintis perjalananmu  
Ingin mengenal tinta pertemuan  
Semoga anak cucu sedar, bahawa  
Perjuangan itu bukanlah suatu pesta  
Tetapi suatu pengorbanan yang suci**

**Pak Doktor  
Serta rakan seperjuanganmu  
Kau menjelma kerana tekanan  
Kerana cinta, kau relakan jiwa  
Berumah besi  
Bergari diri**

**Aku tak mengerti  
Mengapa sejarah membelakangkan kau  
Mungkin, fahamanmu tidak diresmi  
Mungkin, telunjukmu, membongkar nikmat petualang  
Mungkin sejarah, ditapis sudah**

**Kelembutan jari jemarimu  
Kelembutan hati dan budibicaramu  
Dapat memeluk keluhan derita  
Kau ingin bertanya  
Negeri ini untuk siapa?  
Kau ingin bertanya  
Hidupku untuk apa?  
Kau ingin bertanya  
Konco-konco penjajah hendak ke mana?**

**Dalam pergelutan jiwa  
kau mengenal cinta  
Kau mengenal riak dunia  
Kau mengenal penindasan raksasa**

**Kau bertindak**

**Maka  
Pada hari yang bersejarah ini  
Kau menjadi Putera Setia  
Menyatukan rakyat berbilang bangsa**

**Pak Doktor  
Saudaraku  
Bersabarlah  
Kami masih menyelam  
Masih meneroka  
Ada yang jatuh, mendakap bumi runtuh  
Ada yang jatuh, berdiri teguh  
Gunung belantara pasti didaki**

**Kau tetap pergi  
Semangatmu, membara di sisi kami**

**Sanir**

**Kuala Lumpur  
25hb. Oktober 1979**



# **KUALA SEMANTAN**

**Kuala Semantan  
kau adalah sejarah.**

**Kuala Semantan  
telah kau saksikan  
berapa banyak darah yang ditumpahkan  
di muka dan gigi airmu  
dari petani dan pengail.  
Betapa merahnya.  
Merah.**

**Kuala Semantan  
tak kupuja deras airmu  
yang tanpa kering, tapi  
pada sumpah petani dan pengail  
bahwa setitik airmata  
dari mereka  
yang tumpah di muka dan gigimu  
kerana kelisutan hidup  
akan ditebus dengan harga darah.**

**Kuala Semantan  
tak kupuja hijau subur tanahmu  
kerana hasilnya sesuap cuma  
mencecah tembok petani.  
Tak kupuja isi perutmu  
dan biar betapa besar jelawat  
berpinar di mata pancing  
sedang si pengail tak pernah mengecapnya.**

**Kuala Semantan  
tak kupinta  
kau muntahkan seluruh tenagamu  
hingga karam tenggelam  
serta meragut semua nyawa  
Tak kupinta itu  
lagu putus-asa.**

**Kuala Semantan  
sekali lagi kumahu  
kau jadi saksi  
tika petani menyandang cangkul di bahu  
dan pengail menyadai perahu, sambil  
menggenggam erat serampang di tangan.  
Kau akan mandi darah sekali lagi  
kerana cangkul dan serampang itu  
akan membaham dan menikam  
tepat sasarannya.**

**Kuala Semantan  
kupinta kau menyatakan  
sebagai saksi  
kepada dunia bahwa  
airmu adalah darah.  
Merah.**

**Kamaruzzaman Yacob  
TTP, 30 Jun, 75.**



# SUNGGUHKAH MALANG NASIBMU?

CUCU TOK KENALI



Saya kira kita semua pernah mengalami satu ketika di mana setiap apa yang kita lakukan semuanya tidak kena. Tambahan pula, waktu itu kita juga menghadapi banyak masalah lain seperti tekanan kerja atau tidak dapat menyesuaikan diri dengan orang lain. . . .

Di saat-saat begitu, anda mungkin merasa sedih dan mula bertanya diri sendiri; mengapa semua ini harus terjadi kepada diriku? Apakah memang sudah ditakdirkan nasibku lebih buruk dari orang lain? Apakah malangnya nasibku ini?

Tenangkan fikiran dan jangan terlalu mengikut perasaan. Saat seumpama itu kadang-kadang dapat dielakkan kerana bukan semua peristiwa berlaku tanpa sebab.

Kalau kita membiarkan diri kita dikuasai oleh perasaan, kita tidak mungkin dapat membuat pertimbangan yang waras. Kerap kali pula, kita menyalahkan orang lain di atas segala kecelakaan yang berlaku.

## Kisah Ariffin

Ada suatu cerita yang mungkin dapat membantu kita menenangkan fikiran. Suatu hari, seorang pemuda bernama Ariffin telah membeli sebuah lampu minyak gas. Ariffin tidak dapat melihat jauh kerana ma-

tanya rabun.

Ariffin amat gembira dengan benda baru tersebut, lalu menggantungkannya pada satu titik hitam di dinding yang disangkanya paku. Di luar dugaannya, apa yang disangka paku itu sebenarnya adalah seekor lalat. Maka, jatuhlah lampu Ariffin berkecai terhempas ke lantai.

Kemudian Ariffin terpandang satu titik hitam lagi pada dinding yang sama. Inilah peluang bagi Ariffin untuk membalas dendam ke atas lalat yang telah menyebabkan kerosakan kepada lampunya tadi. Lalu dengan sekuat hati ditamparnya titik hitam tersebut. Aduh! Ariffin menjerit kesakitan kerana apa yang disangka lalat itu sebenarnya ialah sebilah paku.

## Pelajaran

Cerita tersebut mungkin menggelikan hati. Tetapi pada masa yang sama jika kita fikirkan sejenak, kita tentu dapat mempelajari sesuatu daripadanya. Ariffin seharusnya dapat menyelamatkan lampunya daripada pecah dan tidak pula menyakitkan tangannya kalau ia menyiasat terlebih dahulu samada titik hitam yang dilihatnya itu sebenarnya lalat atau paku.

Dia sebaliknya terlalu terburu-

buru melakukan sesuatu tanpa memikirkan betul salahnya. Ia membuat keputusan sebelum benar-benar mengetahui keadaan sebenar.

Tindakannya yang kedua adalah berpandukan pengalaman yang lepas. Tanpa usul periksa, dia terus menganggap bahawa benda hitam itu adalah lalat. Oleh kerana keputusan yang dibuat tergesa-gesa sebelum benar-benar memahami keadaan, maka kecelakaanpun tidak dapat dielakkan lagi.

Apakah agaknya yang akan dilakukan oleh Ariffin apabila ia melihat titik hitam atas dinding pada kali ketiga? Ada dua kemungkinan yang boleh berlaku. Pertama, sesudah menyedari kesalahannya, ia akan lebih berhati-hati dengan menyiasat terlebih dahulu samada titik hitam itu sebenarnya paku ataupun seekor lalat, sebelum mengambil sesuatu tindakan.

Kemungkinan kedua, ia terus tidak menghiraukan benda itu lagi kerana telah serek dengan kecelakaan yang menimpa dirinya. Kemungkinan pertama menunjukkan kebijaksanaan dalam menghadap sesuatu keadaan yang baru; kemungkinan kedua pula mencerminkan sikap negatif yang tidak dapat belajar dari pengalaman untuk menjamin bahawa dirinya tidak akan ditimpa kecelakaan.

. . . kita kerap kali membuat pertimbangan yang salah kerana dipengaruhi oleh fikiran yang singkat.

## Pengalaman Harian

Dalam kehidupan kita sehari-hari, di mana kita selalu menghadapi keadaan yang berbeza-beza dan yang jauh lebih rumit, kita kerap kali membuat pertimbangan yang salah kerana dipengaruhi oleh fikiran yang singkat. Contohnya, apabila kita menilai seseorang, kita kerap kali membuat penilaian yang salah berdasarkan pemerhatian yang tidak cukup mendalam. Jika sese-



# RANJAU JEPUN DI RANAU, SABAH: KERACUNAN TEMBAGA DI LOMBONG MAMUT

Fatimah Mohd Johari

**P**enduduk Malaysia amat mengetahui akan akibat perlombongan bijih timah jenis lombong dedah terhadap alam sekitar dan ekologi—banyak contoh yang dapat dilihat di seluruh Semenanjung Malaysia.

Sebaliknya kesan perlombongan tembaga kurang diketahui memandangkan tidak adanya perlombongan tembaga secara besar-besaran di Semenanjung atau di Sabah dan Sarawak, sehinggalah pembukaan Lombong Tembaga Mamut (LTM) berhampiran dengan Gunung Kinabalu di Sabah pada tahun 1975.

Bagaimanapun 4 tahun kemudian, kesan aktiviti-aktiviti di LTM itu dapatlah dikatakan sebagai amat buruk, bukan saja dari segi alam sekitar dan ekologi, tetapi juga dari segi perubahan-perubahan sosial dan ekonomi yang dialami oleh rakyat di kawasan tersebut.

## Lombong Tembaga Mamut

LTM terletak di luar pekan kecil Ranau di pinggir Taman Negara Sabah yang termasuk Gunung Kinabalu. Sebelum wujudnya lombong

itu, ekonomi daerah itu adalah bergantung kepada pertanian saradiri—iaitu penanaman padi dan pengumpulan pisang serta ubi kayu sebagai makanan asas.

Oleh kerana tanahnya subur, hasilnya amatlah baik dan rakyat di situ dapat hidup dengan bergantung kepada hasil buminya. Sungai-sungainya pula merupakan punca air untuk minuman, mandi dan membasuh. Tambahan pula, ianya penuh dengan ikan-ikan yang merupakan sumber utama protin bagi para petani.

Keadaan luar bandar yang baik ini telah berubah besar akibat pencemaran dari LTM ini. Pencemaran dari lombong ini boleh terbahagi kepada dua—pencemaran tanah atau lumpur dan racun tembaga.

Akibat pencemaran tanah dapat dilihat di mana-mana. Akibat keracunan tembaga pula masih perlu dikaji. Walau bagaimanapun contoh-contoh air sungai yang diuji pada tahun 1978 menunjukkan bahawa di banyak tempat, tembaga di dalam air telah melebihi paras keselamatan sebanyak 83.5 kali.

orang itu melakukan kesalahan, maka kesalahan itulah yang selalu kita ingat dan yang kita kaitkan dengan kelemahan dirinya.

Sebaliknya pula jika seseorang itu baik dalam sesuatu bidang, kita terus menganggap bahawa ianya berkebolehan dalam semua bidang, lalu meletakkan harapan yang tinggi ke atasnya tanpa benar-benar mengenali dirinya. Ia mungkin tidak mempunyai kebolehan dalam bidang yang lain. Kita mungkin memberikan pertimbangan yang tidak lengkap dan berat sebelah jika kita tidak benar-benar mengenali seseorang itu.


Satu contoh lagi ialah semasa mengambil peperiksaan. Adalah menjadi perkara biasa bagi kebanyakan kita terus membaca soalan tanpa menghiraukan arahan-arahan yang ditulis di atasnya. Akibatnya kita melakukan kesilapan-kesilapan besar.

Kerapkali pula, kita menyalahkan orang lain di atas segala kecelakaan yang berlaku.

Cuba renungkan sejenak dan anda mungkin dapat mengingatkan kembali keadaan-keadaan di mana sesuatu perkara itu mungkin dapat kita lakukan dengan lebih baik sekiranya anda lebih berhati-hati dalam membuat pertimbangan.

## Kelalaian, Bukan Nasib

Akhirnya, saya berharap kita semua sedar bahawa kecelakaan yang menimpa kita bukanlah kerana nasib. Kesilapan yang kita lakukan dan kegagalan yang kita hadapi bukanlah bererti kebodohan kita, tapi biasanya adalah berpunca dari kelalaian kita. Kita tidak mengambil tauladan dari pengalaman yang lepas. Sekiranya kita berfikir sedikit dan cuba memahami keadaan yang sebenar sebelum mengambil sesuatu keputusan, tentu sekali kita boleh memperbaiki diri kita menjadi manusia yang lebih baik.





Contoh-contoh tanah yang telah diambil dari kawasan tersebut dan diuji di Tokyo juga menunjukkan bahawa ianya mengandungi paras tembaga yang amat tinggi.

Pencemaran lumpur berpunca dari lapisan tanah atas (*top soil*) yang telah dikikis agar bijih tembaga dapat diperolehi dan tanah tersebut dilonggokkan pula di tepi gunung. Apabila hujan, tanah itu mengalir turun dan terus ke dalam sungai dan ladang-ladang di kaki gunung.

Oleh kerana tanahnya subur, hasilnya amatlah baik dan rakyat di situ dapat hidup dengan bergantung kepada hasil buminya.

Hujan yang lebat, seperti yang berlaku pada bulan Februari 1977, boleh meninggalkan lumpur sedalam 12 inci yang akan membinasakan tanaman padi di ladang-ladang ini.

#### Tanah Musnah

Selepas hujan pada tahun 1977 itu, lebih dari sepuluh perkampungan di sekitar Ranau serta kawasan-kawasan padi di sekelilingnya telah mengalami keburukannya. Pejabat Alam Sekitar Kerajaan Sabah menganggarkan bahawa kira-kira 2 ribu ekar sawah telah musnah oleh lumpur.

Syarikat yang menjalankan perlombongan itu menganggarkan bahawa 1000 ekar telah musnah. Walau bagaimanapun hasil padi pada tahun 1977 telah mengalami kerugian yang besar akibat lumpur itu. Ini ialah kerana petani-petani di kawasan ini menanam dalam bulan November dan menuai dalam bulan April, dan kebanyakan biji benih padi itu musnah oleh lumpur yang berwarna merah itu.

Tahun berikutnya (1978), ramai petani tidak menanam padi kerana sawah mereka masih lagi diliputi lumpur dan mereka menjangka pendapatan hasil tahun 1978 buruk

juga.

Selain dari kemusnahan terhadap sawah-sawah padi, pencemaran terhadap sungai-sungai tidak harus dipandang ringan. Lapisan tanah atas yang telah mengalir ke dalam sungai telah menjadikan air sungai yang dulunya jernih menjadi air lumpur yang pekat.

Sungai-sungai ini tidak lagi digunakan oleh penduduk-penduduk seperti dulu kerana ianya tidak boleh lagi membekalkan air untuk diminum atau membasuh. Lumpur yang pekat juga telah membunuh kebanyakan ikan-ikannya. Oleh demikian, penduduk-penduduk kini terpaksa membeli ikan dari orang lain padahal sebelumnya sungai dapat menampung keperluan mereka, iaitu suatu kurniaan alam.

Jumlah tembaga yang tinggi telah dapat dikesan di dalam sungai dan tanah di sekitar lombong tersebut. Maka ada kemungkinan besar bahawa tembaga itu berpunca dari sisa-sisa air dari lombong itu.

Keracunan tembaga diketahui memberi kesan terhadap tanaman, terutamanya padi. Jikalau tanaman-tanaman padi itu tidak mati disebabkan oleh timbunan lumpur, ada kemungkinan pula padi itu telah pun mati akibat dari keracunan tembaga itu sendiri.

Pencemaran telah dan masih ber-

Oleh demikian, penduduk-penduduk kini terpaksa membeli ikan dari orang lain padahal sebelumnya sungai dapat menampung keperluan mereka, iaitu suatu kurniaan alam.

laku walaupun terdapat beberapa usaha-usaha yang dijalankan oleh syarikat tersebut untuk mengawalinya. Dengan perbelanjaan yang besar, syarikat tersebut telah menanam rumput di atas timbunan tanah lapisan atas (yang telah longgokkan) untuk menghalangnya dari dihakis oleh air hujan. Oleh sebab kebocoran sisa-sisa air masih berlaku, maka syarikat tersebut telah membina satu paip untuk disalurkan ke sebuah tangki air penakung. Tujuannya adalah untuk



Petani Kadazan—sawah rosak akibat pencemaran.

cuba menanggukkan pembuangan sisa-sisa air yang mengandungi tembaga dengan selewat-lewatnya.

#### Gantirugi

Pada bulan Ogos 1977 syarikat tersebut telah membayar gantirugi berjumlah \$740,000 kepada 500 keluarga untuk kerosakan yang berlaku terhadap sawah padi dan hasil-hasil mereka.

Anggaran kerugian pada tiap-tiap ekar sawah telah ditaksirkan oleh pegawai-pegawai kerajaan tempatan bersama-sama dengan syarikat LTM.

Walaupun bagaimanapun, gantirugi yang dibayar oleh LTM itu hanya untuk kerugian yang berlaku terhadap hasil padi pada tahun 1977. Gantirugi tidak dibayar kepada petani akibat dari tidak dapat menanam padi pada tahun-tahun berikutnya kerana sawah-sawah mereka masih lagi diliputi oleh lumpur.



LTM telah tidak menjalankan apa-apa usaha menolong petani-petani tersebut untuk memulihkan tanah mereka bagi bercucuk tanam lagi. Memang diakui bahawa syarikat tersebut telah cuba membayar gantirugi terhadap pencemaran sungai-sungai—ia telah selesai membina sistem kecil untuk membekalkan air yang terdiri dari paip-paip di tepi jalan untuk kawasan yang terlibat.

Bagaimanapun, tuntutan gantirugi penduduk-penduduk terhadap penghapusan ikan-ikan akibat dari pencemaran sungai telah ditolak langsung oleh syarikat LTM. Menurut syarikat tersebut, masalah itu telahpun diselesaikan keseluruhannya apabila wang gantirugi dibayar pada tahun 1977.

**Apa yang paling buruk ialah pihak Jepun telah dibenarkan mengeksplot masalah yang sama ke Malaysia walaupun mereka telah mengalami keracunan tembaga di Ashio.**

Selain dari penduduk-penduduk kampung, Pejabat Alam Sekitar Kerajaan Sabah juga sedang menuntut \$12 juta bagi tempoh 5 tahun yang berikutnya untuk membiayai perbelanjaan menempatkan semula keluarga-keluarga yang tidak lagi dapat menjalankan pertanian di tanah mereka. Keluarga yang tinggal dan bertani di kawasan-kawasan di hilir sungai di daerah tersebut juga didapati terancam oleh kecemasan lumpur dan mereka juga terpaksa diberi gantirugi.

#### OMRD

Syarikat yang mengendalikan LTM itu ialah *Overseas Mineral Resource Development (OMRD) Sabah Co.*— sebuah syarikat usahasama yang telah ditubuhkan pada tahun 1969 di antara *Japan OMRD Co.* dan rakan-rakan perkongsian mereka di Malaysia. Syarikat induknya di Jepun, iaitu *OMRD Co.*, pula ialah sebuah usahasama di antara dua buah agensi kerajaan Jepun dan tujuh buah syarikat tembaga Jepun

yang besar. *OMRD Co.* ditugaskan mendapatkan hasil-hasil galian dari seberang laut untuk digunakan di dalam industri-industri di Jepun. Di samping lombong di Mamut, *OMRD Co.* juga mengendalikan sebuah lagi lombong tembaga di Zaire.

Setelah ditubuhkan dalam tahun 1969, anak syarikatnya, iaitu *OMRD Sabah Co.* terus mengusahakan pembinaan lombong tersebut dengan sepenuhnya. Lombong itu telah bermula kegiatannya pada tahun 1975.

Pembangunan lombong tersebut melibatkan pengambilan-alih 400 ekar tanah-tanah sawah padi. Ini telah melibatkan sara hidup 90 buah keluarga dan gantirugi telahpun diberikan.

Pengeluaran tahunan lombong tersebut berjumlah 120 ribu ton bijih tembaga (yang mengandungi 25% tembaga) dan semuanya dihantar ke Jepun. Kadar operasi lombong ini kini melibatkan penggerakan 18 ribu ton bijih dan 24 ribu ton tanah tiap-tiap hari (cukup untuk mengisi 450 buah lori). Pada masa ini, LTM menggunakan 1,200 orang pekerja yang mana 60 ialah pekerja Jepun.

LTM ialah satu dari perusahaan


yang terbesar di Sabah dan telah menjadi sangat penting kepada ekonomi rantau ini. Ianya juga adalah sumber tukaran asing yang penting. Untuk mencadangkan supaya ianya ditutup saja kerana masalah-masalah alam sekitar adalah suatu yang hanya mudah diperkatakan tetapi susah diamalkan.

#### Siapa Untung?

Walau bagaimanapun persoalan siapakah yang paling beruntung dari lombong ini mestilah ditanya. Adalah jelas bahawa mereka yang beruntung bukanlah penduduk-penduduk di daerah Ranau. Sebaliknya, merekalah yang terpaksa menanggung akibat dari segi pencemaran alam sekitar, ekonomi dan sosial yang telah berlaku akibat dari perlombongan itu.

Pencemaran dari LTM patut membawa satu makna yang khas bagi orang-orang Jepun kerana di Jepun ianya telah berlaku sejak 100 tahun yang lampau, iaitu pada zaman Meiji apabila beratus ribu petani Jepun telah menjadi mangsa pencemaran yang disebabkan oleh Lombong Tembaga Ashio.

Secara perbandingan, kerosakan diakibatkan oleh LTM di Sabah adalah lebih kecil. Namun begitu, masalahnya adalah sama sahaja. Apa yang paling buruk ialah pihak Jepun telah dibenarkan mengeksplot masalah yang sama ke Malaysia walaupun mereka telah mengalami keracunan tembaga di Ashio. **ni**



Lombong Tembaga Mamut





## JOAN BAEZ'S MESSAGE

jks

Joan Baez—the queen of American folk song—performed her only charity benefit concert of her recent highly publicized Southeast Asian tour in the Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya. For two hours, she kept her audience spellbound with her incredibly versatile voice and calculated casual style.

She played to the 'cheap seats' and to the children, while cheekily but gently teasing those sitting in the front rows by reason of either position or wealth, including the concert's patron, Tan Sri Ghazali Shafie. Mindful of his portfolio, after cracking a joke, she quipped to him, 'You shouldn't be laughing. You could be the one to put me away.'

A former anti-war activist in the sixties, Joan Baez now speaks out against Vietnam, the very country she once was fighting for. In her 'Open Letter to the Socialist Republic of Vietnam,' she described the Government of Vietnam as one with 'brutal disregard of human rights, claiming that thousands of innocent Vietnamese, many whose only 'crimes' are those of conscience, are

being arrested, detained and tortured in prisons and reeducation camps.'

Her open letter has met with criticisms, many of which come from former fellow anti-war activists. They include William Kunstler, Dave Dellinger, Tom Hayden and Jane Fonda. Dave Dellinger of the Institute for New Communications refused to co-sign Joan Baez's open letter because according to him, its information were inaccurate and her charges exaggerated.

He points out that the material in Baez's letter is based entirely on interviews with one individual—Doan Van Toai—who had been denounced as a CIA agent in 1970. According to Dellinger, two of the most widely known individuals whom Toai claims have been arrested have specifically denied it. Furthermore, he writes, 'By lining up uncritically behind wildly inflated charges from discredited sources, they (Baez and co-signers) have made it easier for the U.S. to continue its present policies of denying the Vietnamese people the emergency relief they desperately need—let alone



the reparations, trade and credits. Quite possibly ending the embargo would help alleviate the tensions and pressures that have contributed to the human-rights violations that do exist'.

### Non-Violent Human Rights Activist

Nevertheless, Joan Baez persists in her chosen cause, the Southeast Asian tour being one of the ways by which she draws attention to it. According to Jack de Silva, former High Commissioner to New Zealand and Ambassador to South Korea, the concert at the Dewan Tunku Canselor was an expression of appreciation to the Malaysian government and Red Crescent Society for help given to the 'boat people' in Malaysia. Informed sources say that the US embassy, particularly the cultural attache, Mr. David Hess, an expert on Soviet and Chinese affairs and married to a Taiwanese painter, played an important role in the arrangements.

The songs that she sang at the concert were consistent with the humanist cause that she speaks for. She started with 'Blowing In the Wind', went on to 'The Boxer', 'Yesterday', 'Imagine', as well as 'Burong Kakak Tua' which went right to the audience's hearts. Throughout the concert, she established a rapport with the crowd, singing their request songs and talking to them. Interspersed among some songs, she claimed that she is neither a leftist nor rightist, but rather a non-violent human rights activist of the Gandhian tradition. The concert ended with her guiding the audience in the Christian hymn 'Amazing Grace'.

After her successful concert at the Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya, Nadi Insan had the privilege of an exclusive 25 minute midnight interview in Joan Baez's Regent hotel suite. While Nadi Insan asked about her music, her 'non-violent activism', etc., she wanted to know about Nadi Insan, the situation in Malaysia, etc. After the interview, she ate dinner, entertained some other journalists and pulled the leg of the concert organizer, Jack de Silva. Below are some excerpts from the interview:

NI: *Joan, how did it all begin?*

JB: Well, I got a visit from this Vietnamese former student leader, Doan Van Toai, or something like that. He had been imprisoned by Thieu and then later by the new Vietnamese authorities and had come to thank me for an earlier open letter—a very mild one, you know, almost apologetic—that we had sent to the Vietnamese government. He told me about what was going on, you know—the 're-education' camps, 'economic zones', connex boxes, and so on.

NI: *Isn't this the guy who is supposed to have smuggled out a document in his anus and then lost it? Some people claim that he went over to work for Thieu and*

*the CIA after he was jailed in 1970.*

JB: I've heard that before. We put 2 investigators on him to check on this and they came up with nothing. They've got four documents which they use all the time to discredit him.

NI: *Doesn't it bother you that all the major articles in Newsweek, Washington Post, Le Monde and The London Observer which claim atrocities and systematic torture in Vietnam have all been based on the testimony of this one man?*

JB: There have been others who have come forward since. Anyway, even if only a few people have been victimized, I'll speak up for them.

NI: *But you've claimed the systematic torture of thousands.*

JB: Not systematic. Arbitrary yes. It really depends on what you mean by torture. Sending people out into the countryside with practically nothing . . . well? And then there are the connex boxes. And there is this thing against the Chinese.

NI: *It is of course impossible to condone some of the reports of what's been happening with the boat people. Part of the problem is that the U.S. and other western countries have been reluctant to take in more Vietnamese emigres after being responsible for creating the problem in the first place by having cultivated a section of the population politically, socially, economically and culturally oriented to the U.S. and also by withholding the post-war reconstruction aid promised by Nixon.*

JB: Sure, one of the main purposes of my trip is to do my little bit to draw world attention to the plight of these people. Not just the boat people, but what—you may call, river people or land people . . . What can I say when you can see people practically dying in front of you. Regardless of ideologies, etc., we're now confronted by a virtual holocaust situation and to deal with this, we need all the help possible. I can't do much myself except to drag public attention to what's happening.

NI: Don't you think the whirlwind nature of the trip will raise doubts in the people's mind about the reliability and credibility of what you have to say.

JB: Not really. But it's important to remind people that what is happening here is more than just one more foreign news item on your T.V. set.

NI: *Have you thought of visiting Vietnam?*

JB: I was invited to go but I didn't see any point to it. I would just get a guided tour and be allowed to see what they wanted me to see, you know.

NI: *Isn't it awkward for you to work with and appeal to some of the very governments and authorities which you have criticized in the past, e.g. on the human rights question?*

JB: Well you have to make compromises. If you don't compromise, you will never get out of your bedroom. ■■■



# ASHANTI

## — ANTARA MITOS DAN HAKIKAT

Mary Ling

Filem Ashanti yang sepatutnya tidak menarik perhatian ramai penonton telah berjaya membuat demikian setelah ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) menyeru supaya filem ini diharamkan atas alasan ia menggambarkan seolah-olah orang kulit putih sahaja menjadi penentang sistem perhambaan serta penyelamat kaum kulit hitam dan orang Arab pula sebagai kaum yang masih mengamalkan kegiatan yang dahsyat itu.

### Cerita Ashanti

Dikatakan bahawa filem Ashanti ini dipadankan dari kisah perhambaan di Afrika—Afrika kini! Ceritanya bermula dengan mengisahkan pasangan suami isteri, yang menganggotai Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dan telah tiba di Afrika untuk menjalankan kerja penyuntikan di sebuah perkampungan.

Selepas selesai kerja mereka, Anansa, si isteri yang berasal dari puak Ashanti (dilakukan oleh Beverly Johnson), pergi berenang tetapi ia telah diculik oleh seorang pedagang hamba abdi Arab bernama Sulaiman (Peter Ustinov). David Linderby, suaminya yang berkulit putih (Michael Caine) meminta bantuan dari pihak yang berkuasa. Ia pula dinasihatkan supaya mengejar penculik-penculik itu sebelum mereka menyeberangi padang pasir Sahara dan seterusnya Lautan Merah kerana matlamat perjalanan mereka ialah ke rantau negeri-negeri Arab.

Dalam perjalanannya, David bertemu dengan Walker (Rex Harrison) seorang wakil dari Persatuan Anti-Perhambaan. Walker telah menemui David dengan seorang askar upahan kulit putih (William Holden) yang bersimpati dengannya, dan kemudiannya dengan Malik (seorang Arab). Malik sebenarnya sedang mencari Sulaiman untuk membalas dendam kerana Sulaimanlah yang menculik dan menyebabkan kematian isteri dan anak-anaknya. Dia relakan dirinya untuk membantu David. Kemudiannya, bersama-sama dengan Malik, David terus mengejar kumpulan yang masih lagi menahan isterinya. Akhirnya mereka berjaya juga mengejar Sulaiman di sebuah pekan di pinggir Lautan Merah lalu membunuhnya. Sebelum itu Sulaiman telah memberitahu mereka bahawa Anansa telah dijual kepada seorang putera (Omar Sharif). Tujuan putera itu adalah untuk menghidahkan Anansa kepada bapanya, seorang raja tua.

Babak terakhir sungguh mencekam. Anansa yang berada di dalam kapal layar putera itu telah diselamatkan tetapi Malik telah ditembak mati oleh pengawal-pengawal putera itu.

### Patutkah Ashanti Diharamkan?

Pada keseluruhannya, Ashanti menggambarkan orang kulit hitam sebagai mangsa perhambaan masa kini. Orang kulit putih pula melakukan watak-watak yang menentang perhambaan—Rex Harrison,

William Holden dan Michael Caine.

Tetapi, menjadi ketara juga bahawa Rex Harrison, yang tahu tentang cara-cara penyeludupan para hamba, tidak mengambil apa-apa tindakan yang berkesan untuk mencegah amalan ini walaupun dia adalah wakil badan yang kononnya menentang perhambaan. Sebaliknya, dia hanya sibuk dengan masalah peribadi Caine—barangkali kerana Caine juga seorang kulit putih!

Peranan para askar upahan sudah didedahkan sebagai pembela kepentingan rejim-rejim yang tidak popular, termasuk kerajaan-kerajaan yang mengizinkan perniagaan hamba pada zaman ini. Filem Ashanti pula menonjolkan seorang askar upahan—William Holden—sebagai penentang perhambaan. Tujuan Caine pula adalah hanya untuk mendapat balik isterinya. Tidak lebih dari itu.

Kalau kita kaji tentang perhambaan dalam sejarah, kita dapati bahawa amalan ini terdapat dalam masyarakat kulit putih kuno, seperti empayar Roma atau Yunani sehingga abad ke-19 apabila sistem ini telah diubahsuai untuk memenuhi kepentingan kapitalisme (misalnya di ladang-ladang di selatan Amerika Syarikat).

Tidak dapat-dinafikan juga bahawa raja-raja Afrika serta saudagar-saudagar Arab di Afrika pernah bekerjasama dengan peniaga-peniaga Eropah dalam pengekspotan hamba-hamba ke benua Amerika, misalnya.

Dan sebelum itu pada zaman Rasulullah umpamanya, kita dapati



bahawa ramai anak watan Afrika—seperti Bilal misalnya—pernah diperhambakan oleh orang-orang kaya Arab. Malahan, Nabi Muhammad (s.a.w.) sendiri pernah memperjuangkan nasib hamba-hamba ini dari penindas-penindas mereka, walaupun golongan yang kedua ini merupakan orang-orang Arab.


Penyiasatan oleh sebuah badan antarabangsa—yang bergabung dengan Bangsa-bangsa Bersatu—pernah mendedahkan bahawa hampir 2 juta orang hamba masih terdapat di seluruh dunia masa kini. Para hamba ini terdapat bukan hanya di negeri-negeri Arab tetapi juga di Amerika Utara dan Eropah Barat sendiri.

Walaupun terdapatnya beberapa orang kulit putih yang menentang perhambaan kini, kita tak akan lupa bahawa amalan yang keji ini pernah diperkembangkan demi kepentingan imperialisme Eropah ti-

dak lama dahulu. Akhirnya, tahap amalan perhambaan ini telah tamat juga, bukan kerana penindas kulit putih itu telah berhenti dari penindasan, tetapi kerana hamba-hamba kulit hitam itu telah berjaya memperjuangkan nasib mereka sendiri dan juga sebab amalan itu tidak sesuai lagi dari segi kepentingan sistem kapitalis pada keseluruhannya.

Kembali kepada seruan ABIM tadi, implikasi sebalik tuduhan bahawa ABIM sebenarnya adalah Arab Brothers In Malaysia sesungguhnya tidak tepat. Memang tidak dapat dinafikan bahawa ada sebilangan orang Arab, serta juga orang bangsa lain melakukan penindasan yang kejam terhadap kaum-kaum lain. Watak Kabir Behdi pula mencerminkan bahawa mangsa perhambaan tidak terdiri dari orang kulit hitam sahaja, malahan termasuklah orang Arab sendiri.

Walau bagaimanapun, kenyataan di atas tadi dapat membuktikan bahawa filem Ashanti menyampaikan gambaran tentang amalan perhambaan yang jauh dari tepat. Tetapi patutkah kita mengharamkan filem Ashanti sedangkan kebanyakan filem-filem lain juga menyalah-gambarkan dunia nyata, seperti filem perang, filem cowboy, filem asmara, filem rekaan sains, filem seram dan lain-lain lagi. Dan kalau Ashanti patut diharamkan kerana dibuat di Israel, bagaimana pula dengan filem-filem lain yang dibuat di Israel atau di Afrika Selatan—seperti The Wild Geese—yang telah diciptakan oleh seorang bekas polis Afrika Selatan Kulit putih—yang cuba menyampaikan gambaran baik mengenai askar-askar upahan yang menindas rakyat kulit hitam di Afrika.



**The woman he loves  
taken by slave-traders,  
he will stop at nothing  
to get her back.**

# ASHANTI



## KESUSASTERAAN MELAYU KINI — SATU PANDANGAN

Munira

Judul: *Ranjau Sepanjang Jalan*  
Pengarang: Shahnnon Ahmad  
Penerbit: Penerbitan Utusan Melayu Berhad  
Kuala Lumpur.

Kesusasteraan seperti lain-lain aspek kebudayaan, adalah bayangan sesuatu fahaman di dalam pemikiran seseorang penulis dalam masyarakat dan pada waktu yang tertentu. Oleh yang demikian, manifestasi, pemikiran dan daya kreatif seseorang penulis, baik dari segi intelektual, kerohanian ataupun kehidupan biasa sentiasa mempunyai maksud serta pengertian yang mendalam terhadap masyarakat sendiri.

Di Malaysia kini, sebahagian besar penulis-penulis kita dengan karya-karya mereka telah berjaya membela *status quo*—dan dengan tinta pena mereka, mereka dapat mempengaruhi orang ramai.

Kerap kali pula golongan cerdik-pandai kita telah terkurung di dalam kepakaran masing-masing dan gagal untuk menginterpretasikan kepincangan masyarakat, iaitu seperti pepatah kata *'They know the trees but not the forest'*. Manusia borjuis juga lebih selesa mengagung-agungkan konsep Manusia borjuis juga lebih selesa mengagung-agungkan konsep sejahtera seperti demokrasi, kebebasan, keharmonian dan lain-lain hingga mengelirukan masalah masyarakat yang sebenar-benarnya.

Oleh yang demikian, karya-karya tentang kepincangan masyarakat lebih ditumpukan kepada sikap dan psikologi individu dan bukan kepada dasar-dasar pemerintah. Berterusan dari itu, maka tanggapan terhadap korupsi, pengangguran, inflasi, kemiskinan dan penindasan memang tidak kena pada tempatnya. Anugerah dan kehormatan

kepada penulis-penulis yang mengikut aliran pemikiran seperti ini hanya menghalalkan lagi pemikiran yang sumbang ini. Juga galakan seperti ini akan mengekalkan lagi *status quo* dan mematahkan semangat kritis di dalam sesuatu masyarakat.

Penulis-penulis Malaysia kini haruslah sedar dan insaf bahawa dunia sekarang telah banyak berubah. Dunia telah menyaksikan kehancuran imperialisme dan penjelmaan sistem yang lebih progresif.

Seorang penulis yang disanjung tinggi oleh masyarakat kita dewasa ini, Shahnnon Ahmad, telah dengan tidak ragu-ragu mengamalkan satu falsafah yang sama sekali bertentangan dengan falsafah yang berdasarkan kebenaran (*reality*). Falsafah beliau merupakan satu falsafah yang tidak saintifik mengenai penderitaan manusia. Contoh yang klasik tentang hal ini adalah novel beliau yang berjudul *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966). Novel ini telah mendapat pujian sebagai novel klasik moden dan kemudiannya pula dipersamakan dengan novel Victor Hugo, *Les Miserables* oleh Allah Yarham Tun Abdul Razak.

Novel tersebut menggambarkan bagaimana sebuah keluarga petani miskin yang begitu tekun dan rajin mengusahakan sawah mereka. Namun begitu mereka tetap mengalami kemiskinan akibat dari bencana alam semulajadi yang sungguh tidak bersimpati dengan mereka seperti banjir, ribut, tikus, ketam, burung, dan lain-lain.

Ketiadaan alat-alat teknologi moden serta kebodohan petani ter-

sebut juga dijadikan faktor-faktor penyebab kemiskinan dan penderitaan mereka. Walau bagaimanapun, petani tersebut bukanlah petani yang tidak bertanah, malahan mempunyai empat belas relong (lebih kurang sepuluh ekar) dan anak isterinya pula rajin mengusahakan tanah tersebut.

Penulis tersebut merekakan berbagai-bagai cabaran alam semulajadi untuk menghancurkan tanaman mereka. Lahuma yang rajin itu telah meninggal dunia akibat terpijak duri nibung semasa mengerjakan sawahnya. Beliau ialah seorang yang degil, keras hati dan bodoh kerana tidak meminta bantuan sesiapa pun. Tetapi sebaliknya, dia telah cuba memotong bengkak nanah di kakinya dan ini mengakibatkan beliau meninggal dunia.

Jeha, walaupun telah diberi pertolongan oleh penghulu serta anak-anaknya untuk mengerjakan sawah telah hilang akal dan kemudian menjadi gila. Anak-anak mereka hidup tanpa ibu dan ayah. Masa depan mereka gelap. Itulah nasib petani-petani dari satu generasi ke satu generasi. Pengarang seolah-olah menyematkan suatu falsafah hidup iaitu 'Itu nasib malang mereka, kita tidak boleh menyalahkan sesiapa'.

Pengarang mengambil unsur-unsur atau anasir-anasir alam semulajadi dan juga kegagalan individu sebagai isu utama dengan tidak menghiraukan sedikit pun aspek-aspek sosio ekonomi dan politik dalam masyarakat tersebut. Dengan demikian, pengarang secara tidak langsung memberitahu kita bahawa punca utama masalah petani bukanlah masalah penindasan tetapi adalah disebabkan oleh kegagalan petani itu sendiri untuk menguasai kuasa-kuasa alam semulajadi. Pandangan ini adalah cetek dan berat sebelah.

Novel Shahnnon Ahmad telah berjaya memesongkan kita daripada menyedari kepentingan sosio-ekonomi dan politik yang sebenarnya wujud dalam masyarakat kita. ■



***DENGAN INGATAN  
TULUS IKHLAS***

**dari**

**STERLING  
WINTHROP**

**Pembuat PANADOL**

**Peti Surat 9  
Jalan Gurney  
Kuala Lumpur**





## **MOTOSIKAL YANG LINCAH**

Motosikal sport yang sesungguhnya lincah. Membawa anda ke tempat-tempat yang selama ini anda ingin pergi.

Melakukan hal-hal yang selama ini anda ingin lakukan.

CG 125. Motosikal dua roda dengan enjin Honda empat lejang yang luar biasa lagi terkenal di dunia. Yang berjalan lebih baik, lebih ekonomi serta tahan lebih lama.

Lincah ke mana saja. Sampai ke tempat tujuan dengan bergaya. Itulah CG 125. Dapatkanlah sebuah hari ini.



Pengedar tunggal  
**BOON SIEW SDN. BHD.**

Wings